30 November - 9 December 2012 <i>30 November - 9 December 2012</i>	Sambutan 55 Tahun Arkib Negara Malaysia. Sambutan diadakan selama seminggu dengan dimulai dengan Majlis Bacaan Yasin dan Tahliil, Hari Keluarga Arkib Negara, Malam Warna Warni Arkib Negara dan Majlis Perasmian Sambutan 55 Tahun Arkib Negara pada 3 Disember 2012 yang disempurnakan oleh Menteri KPKK, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Seterusnya Lawatan Berpandu dan Hari Bertemu Pelanggan, Majlis Penyerahan dan Perasmian Mesin Bio Master, Majlis Pengkisahan <i>Sejarah Malay Agricultural Settlement</i> dan program Kembara Arkib Bersama Masyarakat. <i>The 55th Year of The National Archives of Malaysia Celebration. The celebration was held for one week and preceded by Yaasin recitation and Tahliil Ceremony, the National Archives Family Day, National Archives Awesome Colours Night and Official Opening Ceremony of the 55th Year Celebration of the National Archives on December 3rd, 2012 officiated by the Minister MICC, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Subsequently, there were Guided Tour and Meet the Clients Day, Handing Over and Official Ceremony of Bio Master Machine, Narration Ceremony on The History of Malay Agricultural Settlement and Archives With Community Expedition programme.</i>
2013 <i>2013</i>	Arkib Negara Malaysia dibawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan Menteri baru. <i>The National Archives of Malaysia was placed under the Ministry of Tourism and Culture and a new Minister.</i>
	Portal rasmi Arkib Negara Malaysia diberi pengiktirafan 5 bintang dalam penilaian portal/laman web kerajaan atau Malaysian Government Portal Website Assessment (MGPWA) oleh Malaysia Development Corporation (MDec). <i>Official portal of The National Archives of Malaysia awarded 5-star recognition through Malaysian Government Portal Website Assessment (MGPWA) by the Multimedia Development Corporation (MDec).</i>
20 Januari 2014 <i>20 January 2014</i>	Persaraan wajib Dato' Hajah Daresah Haji Ismail sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara. <i>Dato' Hajah Daresah Haji Ismail retirement as the Director General of The National Archives of Malaysia.</i>
1 April 2014 <i>1 April 2014</i>	Pelantikan Encik Azemi Abdul Aziz sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Appointment of Mr. Azemi Abdul Aziz as the Director General of The National Archives of Malaysia.</i>



Bahagian Khidmat Pengurusan
Management Services Division

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT SERVICES DIVISION



Wakil dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam YBhg. Tan Sri Mahmood Bin Adam, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (empat dari kiri) bergambar bersama pengurusan tertinggi Arkib Negara Malaysia, YBhg. Encik Azemi Abdul Aziz, Ketua Pengarah (memangku), Arkib Negara Malaysia (tiga dari kiri) dan YBrs. Puan Faridah Ishak, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan (dua dari kanan) selepas Mesyuarat Perkhidmatan Awam dan lawatan kerja pada 24 Februari 2014.

Representatives of the Public Service Commission YBhg Tan Sri Mahmood Bin Adam, Chairman of the Public Service Commission (fourth from left) poses with the top management of The National Archives of Malaysia, YBhg. Mr. Azemi Abdul Aziz Acting Director General of National Archives of Malaysia (third from left) and YBrs. Mrs. Faridah Ishak, Deputy Director General of Planning and Management Sector (second from right) after a Meeting of the Public Service and a working visit on February 24, 2014.

PROFIL

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab merancang, merangka, mengemaskini dasar/ peraturan berkaitan urusan pentadbiran, kewangan, pembangunan sumber manusia, program latihan, projek-projek pembangunan, pengurusan maklumat (ICT) dan HRMIS. Terdapat empat Seksyen yang dipertanggungjawabkan melaksanakan program-program bahagian iaitu Seksyen Pentadbiran dan Sumber Manusia, Seksyen Kewangan dan Pengurusan Aset, Seksyen Pembangunan dan Penyelenggaraan serta Seksyen Teknologi Maklumat.

PROFILE

The Management Services Division (BKP) is responsible for planning, designing, updating policies and procedures related to matters of administration, finance, human resource development, training programmes, development projects, management of information and communication technology (ICT) and HRMIS. There are four Sections given the responsibility to implement the division's programmes viz Administration and Human Resource Section, Finance and Asset Management Section, Development and Maintenance Section and Information Technology Section.

Seksyen Pentadbiran dan Sumber Manusia bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti sokongan, merangkumi aspek-aspek berkaitan pentadbiran, keselamatan, keurusetiaan bagi mesyuarat Pengurusan Jabatan, Mesyuarat Keselamatan, Mesyuarat Keselamatan dan Kesihatan serta perkara-perkara berkaitan dengan kebajikan pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia. Unit Sumber Manusia pula dipertanggungjawabkan mengendalikan urusan berkaitan aktiviti-aktiviti pembangunan sumber manusia merangkumi kajian pemantapan organisasi (perjawatan), perancangan kerjaya dan latihan, peperiksaan jabatan, urusan perkhidmatan termasuk elaun dan kemudahan pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia.

Seksyen Kewangan dan Pengurusan Aset bertanggungjawab dalam segala urusan kewangan termasuklah urusan bayaran, terimaan, perakaunan dan peruntukan. Dari aspek pengurusan aset, seksyen ini bertanggungjawab dalam menguruskan keselamatan fizikal harta, bangunan dan aset serta pengurusan pelupusan aset jabatan.

Seksyen Pembangunan dan Penyenggaraan bertanggungjawab merancang dan memantau segala projek pembangunan fizikal serta menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan dengan pembangunan dan pengembangan jabatan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam merancang, mengenalpasti dan menguruskan pemerolehan tanah, bangunan dan peralatan serta penggunaan peruntukan pembangunan jabatan dengan cekap dan efisien.

Seksyen Teknologi Maklumat bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi bagi Arkib Negara Malaysia berdasarkan polisi dan dasar yang telah dibangunkan. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah pembangunan aplikasi baru berdasarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan keperluan pengguna, penyelenggaraan aplikasi COMPASS, penyelenggaraan aplikasi dalaman Arkib Negara Malaysia iaitu *Helpdesk*, Sistem Aduan Bangunan, Blog KP, laman web Komuniti Rekod, laman web SARBICA, penyediaan infrastruktur ICT dan khidmat sokongan ICT. Seksyen ini juga melaksanakan tugas perantaraan antara Arkib Negara Malaysia dengan kementerian dan agensi pusat yang bertanggungjawab bagi sistem aplikasi kerajaan elektronik dan memastikan penggunaan aplikasi HRMIS berada di tahap maksimum.

The Administration and Human Resource Section is responsible for implementing support activities, inclusive of aspects that relate to administration, security, secretariat for the Departmental Management Meetings, Security Meetings, Health and Safety Meetings as well as matters related to the welfare of The National Archives of Malaysia's officers and staff. The Human Resource Section is responsible for conducting activities related to human resource development including study on strengthening the organisation (establishments), career and training planning, departmental examinations, service matters including allowances and amenities for officers and staff of The National Archives of Malaysia.

The Finance and Asset Management Section is responsible for all financial matters including payment, receipts, accounting and allocation. From the aspects of Asset Management, this section is responsible for managing the physical security of properties, buildings and assets as well as managing disposal of departmental assets.

The Development and Maintenance Section is responsible for planning and monitoring all physical development projects as well as carrying out research work related to the development and expansion of the department. This section is also responsible for planning, identifying and managing the acquisition of land, buildings and equipment inclusive of competent and efficient use of the department's development allocations.

The Information Technology Section is responsible for implementing activities related to information and communication technology for the National Archives of Malaysia based on the policies and principles that have been developed. These activities include the development of new applications based on Information Technology Strategic Plans and users needs, the COMPASS application maintenance, the National Archives of Malaysia internal application maintenance such as the Helpdesk, Building Complaint System, DG's Blog, Community Records website, SARBICA website, provision for ICT infrastructures and ICT support services. This section also perform mediation functions between the National Archives of Malaysia with the ministry and central agencies responsible for electronic government application and ensuring maximum use of the HRMIS applications.



Program 'Jom Senam Seni' Arkib Negara Malaysia pada 13 Februari 2014.

National Archives of Malaysia, 'Jom Senam Seni' Programme on 13th February 2014.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS

Projek Pembangunan

Sebanyak RM 21,121,814.18 telah diperuntukkan untuk enam projek pembangunan dan telah membelanjakan sebanyak RM21,061,814.18 (99.7%). Peruntukan ini digunakan bagi membiayai projek menaiktaraf bangunan Arkib Negara Malaysia, Memorial Negarawan, Kajian Penyelidikan dan Kedaulatan dan Persempadanan Negara, Pembinaan Bangunan Arkib Cawangan Perak, NKEA : My Creative Content dan Perluasan RFID.

Development Projects

A total of RM 21,121,814.18 has been allocated for six development projects and a total of RM 21,061,814.18 (99.7%) was spent. This allocation was used to finance the upgrading projects of The National Archives of Malaysia buildings, the Statesmen Memorials, Studies on Research of National Sovereignty and Boundaries, construction of Archive's building for the Perak Branch, NKEA: My Creative Content and expansion of RFID.


Perjawatan

Senarai Perjawatan Arkib Negara Tahun 2014 telah diluluskan berjumlah 545 perjawatan, perjawatan berkenaan termasuk Arkib Cawangan Negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kedudukan perjawatan mengikut pecahan perjawatan sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Establishment

The Establishment List of National Archives for the year 2014 was approved for a total of 545 posts, including Archives Branches in the States of the Peninsular, Sabah and Sarawak. The establishments situation based on service groups up to December 31st, 2014 are as follows:

KUMPULAN PERKHIDMATAN Service Group	BILANGAN PERJAWATAN Number of establishments
Pengurusan Tertinggi <i>Top Management</i>	3
Pengurusan dan Profesional <i>Management and Professional</i>	101
Kumpulan Sokongan: <i>Support Group:</i>	
Sokongan I / <i>Support I</i>	279
Sokongan II / <i>Support II</i>	162
JUMLAH / TOTAL	545



Teknologi Maklumat

Penambahan Storan Pusat Data

Pusat Data Arkib Negara Malaysia mula diwujudkan semasa pembangunan aplikasi COMPASS (*Computerised Archival System And Services*) dilaksanakan bagi membantu dalam memproses kerja-kerja utama iaitu memudahkan urusan pengurusan rekod yang diterima sehingga urusan menyimpan bahan tersebut ke dalam repositori di Arkib Negara Malaysia. Pusat data ini juga digunakan untuk meletakkan perkakasan ICT seperti pelayan, *network switches*, *router*, *UPS* dan *backup tape device*.

Pusat data ini berkembang selaras dan seiring dengan pertambahan aplikasi utama seperti COMPASSWEB (Capaian bahan arkib melalui web dengan menggunakan pangkalan data COMPASS), Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS), WEBOPAC (Sistem katalog bahan perpustakaan), HPRM (*Electronic Records Management System - ERMS*), TESELLA SDB (*Archival Management System - AMS*), ZIMBRA (E-mel) dan aplikasi Intranet seperti Helpdesk, Sistem Aduan Bangunan dan Sistem Penyelidikan Khas.

Pada tahun 2012, peralatan Pusat Data bertambah melalui pelaksanaan Projek MyCreative Content (MyCC) iaitu storan sebanyak 200 *Terrabyte*, *blade server*, *core switch* dan perisian *VMWare*. Disamping itu, aplikasi baru juga telah dibangunkan iaitu *Online Finding Aids* (OFA) bagi tujuan capaian bahan arkib secara dalam talian dan kemudahan pembayaran dalam talian untuk salinan bahan arkib dalam bentuk digital. Melalui projek MyCC juga, Arkib Negara Malaysia telah mendigitalkan bahan arkib iaitu dokumen (3 juta helai bersamaan 100,000 fail yang mengandungi format *tif*, *jpg* dan *pdf*), bahan audio (1000 jam yang mengandungi format *wav* dan *mpg3*) dan bahan video (1242 jam yang mengandungi format *mpg2* dan *mpg4*).

Oleh yang demikian, bagi memenuhi keperluan MyCC, storan telah digunakan secara menyeluruh dengan konfigurasi 35 *Terrabyte* untuk *Storage Area Network* (SAN) dan 155 *Terrabyte* untuk *Network Attached Storage* (NAS). Aplikasi-aplikasi sedia ada dan baru termasuk pangkalan data telah diletakkan di SAN untuk dilaksanakan secara virtual dengan menggunakan perisian *VMWare*. Manakala NAS digunakan untuk menyimpan bahan-bahan arkib yang telah didigitalkan dan rekod-rekod elektronik (*born digital*). Kapasiti yang telah digunapakai oleh NAS adalah sebanyak 137.63 *Terrabyte* (Free Capacity 27.37 *Terrabyte*).

Bagi menampung projek MyCC bagi tahun 2014, penambahan storan NAS telah dibuat sebanyak 400 *Terrabyte* dan diintegrasikan dengan storan sedia ada NAS iaitu 165 *Terrabyte*. Projek penambahan storan ini telah dibuat pada 18 Disember 2013 dan selesai sepenuhnya pada 26 Februari 2014. Setelah konfigurasi dibuat mengikut keperluan bahan yang didigitalkan dan *born digital*, berikut merupakan pecahan pembahagian storan:

- 500 TB - Bahan yang didigitalkan untuk resolusi tinggi (*High Resolution*) dan resolusi rendah (*Low Resolution*)
- 65 TB - Bahan *Born Digital* bagi aplikasi HPRM

Information Technology

Data Centre Additional Storage

The National Archives of Malaysia Data Centre was established during the development and implementation of COMPASS (Computerised Archival System and Services) to assist the processing of principle tasks which is to facilitate the management of records received up till the task of storing the materials in repository at the National Archives of Malaysia. The data centre is also utilised for storing ICT equipment such as the servers, network switches, routers, UPS and backup tape devices.

The Data Centre has progressed in tandem and parallel to the increase in principal applications such as the COMPASSWEB (access to archival materials via the web using COMPASS database), Today In History (HIDS), WEBOPAC (library materials cataloguing system), HPRM (Electronic Records Management System - ERMS), TESELLA SDB (Archival Management System - AMS), ZIMBRA (e-mail) and intranet applications such as Helpdesk, Building Complaints System and Specific Research System.

In 2012, equipments at Data Centre have increased due to the implementation of MyCreative Content Project (MyCC) comprising storage capacity of 200 Terrabyte, blade servers, core switches and VMWare softwares. Concurrently, new applications were also developed such as the Online Finding Aids (OFA) for accessing archival materials through the net and online payment facilities for copies of digital archival materials. Through the MyCC project, the National Archives of Malaysia had digitised archival materials such as documents (3 million sheets are equivalent to 100,000 files of the tif, jpg and pdf formats), audio materials (1,000 hours of wav and mpg3 formats) and video materials (1,242 hours of mpg2 and mpg4 formats).

Hence, in fulfilling the needs of MyCC, the storage was used extensively with 35 Terrabyte configurations for Storage Area Network (SAN) and 155 Terrabyte for Network Attached Storage (NAS). The existing and new applications including databases were kept in SAN for virtual implementation using the VMWare software. NAS was used for storing digitised archival materials and electronic records (born digital). The utilised capacity of NAS amounts to 137.63 Terrabyte (Free Capacity 27.37 Terrabyte).

In order to sustain MyCC project for the year 2014, additional storage for NAS has been created totaling 400 Terrabyte and was integrated with the existing NAS storage of 165 Terrabyte. This additional storage project took effect on December 18th, 2013 and was fully completed on February 26th, 2014. After the configuration was done in accordance to requirements for the digitised and born digital materials; the following is breakdown of the storage partitioning:

- 500 TB – Digitised materials for High Resolution and Low Resolution
- 65 TB – Born Digital materials for HPRM application

Melalui penambahan storan, beberapa ciri yang perlu ada bagi memastikan storan ini mampu berfungsi dengan baik dan lancar. Ciri-ciri tersebut adalah:

a. Data Raya

Setiap volume yang diwujudkan boleh diletakkan *billion of object* dan tidak menjejaskan dari segi capaian kepada objek tersebut.

b. Multi-Tenancy

Storan mempunyai keupayaan untuk mengasingkan kedudukan sesuatu objek mengikut keperluan bagi tujuan keselamatan terhadap pengaksesan sesuatu objek.

c. Archive Capability (WORM – Write Once Read Many)

Storan mempunyai keupayaan untuk menyekat sebarang pemadaman kepada objek kecuali dibenarkan oleh pihak pentadbir storan. Pemadaman objek ini boleh dilakukan sendiri tanpa memerlukan bantuan dari pihak ketiga.

d. Anti-Virus

Storan telah dilengkapi dengan perisian antivirus bagi memastikan kandungan yang terdapat dalam NAS/SAN sentiasa berada dalam keadaan yang selamat.

e. Carian Bahan menggunakan Cataloging Software

Storan mempunyai keupayaan untuk membuat carian bahan dengan menggunakan aplikasi yang tersedia ada bagi sesuatu storan. Ini penting kerana sekiranya sesuatu aplikasi tidak dapat digunakan (Contoh : OFA) bahan masih juga boleh dicapai dengan menggunakan aplikasi storan.

Through the additional storage, several features should be ensured for proper and smooth functions of the storage. The features are as follows:

a. Big Data

Each volume created can place billion of objects and will not affect access to the objects.

b. Multi-Tenancy

Storage has the capability to isolate the location of certain objects according to needs to access those particular objects for security reasons.

c. Archive Capability (WORM – Write Once Read Many)

Storage has the capability to block any deletion to the objects except when permitted by the storage administrator. Object deletion can be self performed without requiring any third party assistance.

d. Anti-Virus

Antivirus software has been installed in the storage to ensure the contents of NAS/SAN are always secure.

e. Search of Materials By Using Cataloging Software

Storage has the capability to perform object searches using the existing applications of the storage. This is important because if an application could not be used (eg OFA) the material is still accessible by using the storage applications.

Pelaksanaan Keselamatan Rangkaian MyGSOC

Arkib Negara Malaysia terlibat di bawah Projek Perkhidmatan Komprehensif Keselamatan ICT Terurus (*Malaysia Government Security Operation Centre – MyGSOC*) bagi tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2013 sehingga 2017.

MyGSOC merupakan satu (1) sistem bagi memantau serta meningkatkan ketersediaan keselamatan ICT kerajaan. Penggunaan sistem ini merangkumi tindakan pro-aktif dan re-aktif serta cadangan pengukuhan keselamatan ICT secara berterusan dan berpusat yang diuruskan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Objektif MyGSOC adalah membolehkan pengendalian insiden keselamatan ICT yang lebih cekap dan berkesan, dan meningkatkan keupayaan untuk memantau, mengukur dan melindungi aset ICT Kerajaan.

Pada tahun 2014, Sebanyak 20 unit agen MyGSOC telah dipasang pada 20 unit server yang menempatkan aplikasi utama dan sokongan ANM. Laporan hasil imbasan daripada MyGSOC telah dapat membantu Seksyen Teknologi Maklumat dalam memantapkan kawalan keselamatan ICT di Arkib Negara Malaysia.

Security Implementation of MyGSOC Network

The National Archives of Malaysia was involved in the Malaysia Government Comprehensive Managed ICT Security Services Project (Malaysia Government Security Operation Centre – MyGSOC) for a period of five (5) years starting in 2013 until 2017.

MyGSOC is one system of monitoring as well as enhancing security preparedness for the government's ICT. Use of this system includes pro-active and re-active actions as well as continuous suggestions on strengthening of security and centrally managed by the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU).

The objectives of MyGSOC are enabling the efficient and effective handling of ICT security incidents, and to enhance the ability to monitor, measure and protect the government's ICT assets.

In 2014, a total of 20 units of MyGSOC agents have been installed in 20 units of servers where the NAM primary and support applications were located. Results of the scanning reports from MyGSOC have been able to assist the Information Technology Section in strengthening ICT security control at the National Archives Malaysia.

Pelaksanaan Internet Protocol Version 6 (IPv6) Sektor Awam

IPv6 merupakan versi ke 6 kepada Internet Protocol dan pengganti kepada IPv4. Ia mempunyai fungsi yang sama seperti IPv4 yang menyediakan alamat IP yang unik dan membenarkan peranti Internet untuk berkomunikasi. Terdapat perbezaan ketara bagi IPv6 iaitu IPv6 menggunakan 128-bit address. IPv6 wujud kerana alamat bagi IPv4 semakin berkurangan. Alamat IP makin lama makin berkurangan dari masa ke semasa.

Kerajaan Malaysia telah menetapkan sasaran supaya agensi Sektor Awam tersedia IPv6 pada tahun 2015. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, MAMPU telah di beri tanggungjawab untuk melaksanakan Projek IPv6 Sektor Awam. Arkib Negara Malaysia adalah salah satu agensi yang telah dipilih untuk terlibat dalam pelaksanaan ini.

Mulai Jun 2014, kerja-kerja konfigurasi rangkaian antara Arkib Negara Malaysia bersama MAMPU telah dijalankan. Pelaksanaan IPv6 sepenuhnya di Arkib Negara Malaysia akan bermula pada awal tahun 2015 setelah semua peralatan rangkaian ICT Arkib Negara Malaysia telah *enabled* IPv6 sepenuhnya.

Implementation of Internet Protocol Version 6 (IPv6) Public Sector

IPv6 is the 6th version of Internet Protocol replacing IPv4. It has the same functions as IPv4 providing unique IP address and allowing internet devices to communicate. The significance difference in IPv6 is that it uses 128-bit address. The creation of IPv6 was due to less and less IPv4 addresses. Over a period of time, IP addresses have been in decline.

The Malaysian government has set targets for public sector agencies to be IPv6 ready in 2015. In the 10th Malaysia Plan, MAMPU has been given the responsibility to implement IPv6 Public Sector Project. The National Archives of Malaysia is one of the chosen agencies to be included in this implementation.

Beginning in June 2014, network configuration work between National Archives of Malaysia and MAMPU were carried out. Full implementation of IPv6 at the National Archives of Malaysia is scheduled to start in early 2015 when the IPv6 is fully enabled in all the ICT network devices at the National Archives Malaysia.



YBhg. Encik Azemi Bin Abdul Aziz, YBhg. Encik Azemi Bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah (memangku), Arkib Negara Malaysia (hadapan, tengah) bergambar bersama-sama kakitangan Arkib Negara Malaysia dalam Majlis Penutup Program Transformasi Negara (Birokrat) di Kem Bina Negara Langkawi pada 15 Mac 2014.

YBhg. Mr. Azemi Bin Abdul Aziz, Acting Director General of National Archives of Malaysia (front, center) posing together with staffs of The National Archives of Malaysia in the Closing Ceremony of the National Transformation Program (Bureaucrats) at Kem Bina Negara Langkawi on 15th March 2014.



Bahagian Perancangan dan
Penyelarasan
Planning and Coordination Division

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN

PLANNING AND COORDINATION DIVISION

PROFIL

Bahagian Perancangan dan Penyelarasan (BPP) merupakan bahagian teras yang menyokong pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab Arkib Negara Malaysia dalam menyediakan produk dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan efektif kepada pelanggan. Bagi mencapai hasrat tersebut, bahagian ini adalah bertanggungjawab memastikan dasar, halatuju dan strategi Arkib Negara adalah mantap dan berkesan; pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan kearkiban dan pengurusan rekod berjalan dengan lancar serta mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian yang ditetapkan oleh Arkib Negara; dan pegawai dan kakitangan Arkib mempunyai tahap kompetensi dalam bidang pentadbiran arkib dan pengurusan rekod mengikut kesesuaian tempoh perkhidmatan. Pelaksanaan tanggungjawab tersebut direalisasikan melalui kerjasama erat semua seksyen di bawah Bahagian Perancangan dan Pengurusan iaitu Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti, Seksyen Konsultansi dan Latihan, Seksyen Audit dan Inspektorat dan Seksyen Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa.

PROFILE

The Planning and Coordination Division (BPP) is the core division that supports the implementation of functions and responsibilities of The National Archives of Malaysia in providing products as well as efficient and effective service delivery to clients. In order to achieve the desired aspirations, this division is responsible for ensuring policies, directions and strategies of the National Archives are sound and effective; implementation of the archival services delivery system and records management are progressing well and in compliance with the laws, regulations and standards set by the National Archives; and archives officers and staff have the level of competency in areas of archives administration and records management appropriate to their duration of service. The implementation of these responsibilities were realised through close collaboration of all sections under the Planning and Management Division namely the Policy, Standards and Quality Management Section, Consultancy and Training Section, Audit and Inspectorate Section and Strategic Planning and International Relations Section.

Para peserta dari agensi kerajaan yang terlibat dengan Program Cakna Pengurusan Rekod Sektor Awam Zon Timur pada 18-19 November 2014.

Participants from the government agencies involved with the East Zone Public Sector Records Management Awareness Programme on 18-19 November 2014.





Mr. Masazumi Gotoda, Timbalan Menteri Kanan Kabinet Jepun (hadapan, tengah) dan anggota delegasi negara Jepun bergambar bersama barisan pengurusan tertinggi dan pegawai kanan Arkib Negara Malaysia, diketuai oleh YBrs. Encik Azemi Bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Penyelidikan dan Pengembangan, Arkib Negara Malaysia (empat dari kiri) selepas melakukan lawatan ke Arkib Negara Malaysia pada 22 Januari 2014.

Mr. Masazumi Gotoda, Senior Deputy Minister of the Cabinet of Japan (front, center) and inductee's delegation of Japan poses with the top management and senior officers of The National Archives of Malaysia, led by YBrs. Mr. Azemi Bin Abdul Aziz, Deputy Director General of Research and Development Sector, National Archives of Malaysia (fourth from left) after a visit to the National Archives of Malaysia on January 22, 2014.

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti merupakan seksyen yang bertanggungjawab merancang, mengenalpasti keperluan dan menyelaraskan dasar, hala tuju, strategi, standard dan pengurusan kualiti jabatan. Dasar, hala tuju dan strategi jabatan telah diperkemas mengikut keperluan semasa. Bagi melonjakkan impak dan bidang keberhasilan jabatan dalam era yang serba mencabar, seksyen ini berusaha memantapkan profesion kearkiban dan transformasi yang diperlukan oleh warga jabatan.

The Policy, Standard and Quality Management Section is responsible for planning, identify needs and coordinate policies, directions, strategies, standard and quality management of the department. Departmental policies, directions and strategies are refined according to current requirements. In order to boost the impact and outcomes of the department in this challenging era, this section strive to strengthen and transform the archival profession as needed by the department's staff.

Seksyen Konsultansi dan Latihan adalah seksyen yang bertanggungjawab memberi khidmat nasihat Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Arkib melalui perundingan, perbincangan dan taklimat kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Khidmat Perundingan Pengurusan Rekod adalah satu usaha yang dibuat bagi meningkatkan kecekapan pengurusan rekod awam ke arah urus tadbir perkhidmatan awam yang lebih baik dan juga memastikan pejabat awam dapat menguruskan rekod kerajaan dengan lebih efisien dan sistematik. Selaras dengan hasrat kerajaan yang menitikberatkan modal insan, seksyen ini berusaha meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia dengan menyediakan jadual dan modul latihan ikhtisas dalam bidang pengurusan rekod dan pentadbiran arkib.

The Consultancy and Training Section is responsible for providing advisory services on Records Management and Archive Administration through consultations, discussions and briefings to the Ministries, Departments and Government Agencies. The Records Management Consultation service is one effort being done to improve the efficiency of public records management towards a better civil service governance and also ensuring that these public offices are able to efficiently and systematically manage government records. In line with the aspiration of the government that place greater emphasis on human capital, this section will continue in its effort to enhance the competency of officers and staff of The National Archives of Malaysia by providing schedules and professional training modules in records management and archives administration.

Seksyen Audit dan Inspektorat merupakan seksyen yang bertanggungjawab memantau pematuhan dan keakuran Kementerian/Jabatan/Agensi kepada peraturan, dasar dan standard pengurusan rekod yang sedang berkuatkuasa. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab dalam pelaksanaan pendakwaan dan amaran pentadbiran

The Audit and Inspectorate Section is responsible for monitoring compliance and conformance of Ministries/Departments/Agencies to regulations, policies and standards of records management currently in force. This section is also responsible in the implementation of prosecution and administrative cautions for breach of laws and non-conformance in management of

bagi pelanggaran undang-undang dan ketidakakuran dalam pengurusan rekod. Arkib Negara Malaysia telah melaksanakan audit dan inspektorat untuk memperkasakan pengurusan rekod di agensi Kerajaan bermula 2009. Ini selaras dengan pewujudan Seksyen Inspektorat pada tahun 2009 melalui penstrukturan organisasi Arkib Negara yang diluluskan oleh JPA pada 2008. Inspektorat pengurusan rekod dirancang dan dilakukan setiap tahun secara berkala pada agensi terpilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Tidak hanya menjalankan inspektorat yang dirancang, inspektorat turut dilakukan kepada agensi secara mengejut dan berdasarkan aduan-aduan yang diterima kerana ketidakakuran kepada peraturan, dasar dan peraturan pengurusan rekod yang sedang berkuatkuasa.

Sebagai peneraju pengurusan rekod, Arkib Negara Malaysia telah mengadakan Program Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik bermula 2013 sebagai mengiktiraf kepada agensi yang telah melaksanakan tadbir urus pengurusan rekod terbaik. Selain memfokuskan kepada audit dan inspektorat kepada agensi kerajaan, Arkib Negara Malaysia juga mengadakan inspektorat kepada Syarikat Pembekal Perkhidmatan yang memberi Perkhidmatan Penyimpanan Rekod – Kod Bidang 221310 dan Perkhidmatan Membaikpulih Bahan Terbitan dan Manuskrip – Kod Bidang 221311. Inspektorat ini bagi tujuan memperakukan syarikat tersebut untuk mendapatkan Sijil Akuan Pendaftaran Kod Bidang Kementerian Kewangan Malaysia. Perakuan ini diwujudkan supaya syarikat dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti dan memastikan tiada berlaku kebocoran maklumat agensi kerajaan.

Seksyen Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa bertanggungjawab untuk mengenalpasti keperluan dan menyelaraskan program dan aktiviti ikhtisas antarabangsa serta menyediakan kertas-kertas cadangan projek kerjasama di bawah Program ASEAN COCI, UNESCO, ICA-PCOM dan sebagainya. Seksyen ini diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan, menyediakan dan menguruskan urusan menandatangani perjanjian/memorandum kerjasama di antara Arkib Negara Malaysia dengan institusi-institusi Arkib atau yang berkaitan di peringkat antarabangsa. Seksyen ini juga terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan hal ehwal hubungan antarabangsa dengan badan dan pertubuhan ikhtisas kearkiban antarabangsa khususnya Majlis Arkib Antarabangsa (ICA), Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Asia Tenggara (SARBICA), *Southeast Asia-Pacific Audio Visual Archives Association* (SEAPAVAA), ACRAM dan sebagainya. Selain itu, seksyen ini bertanggungjawab dalam menyelaraskan dan menguruskan lawatan/penempatan serta menghantar Pegawai/kakitangan Arkib Negara Malaysia ke luar Negara serta menerima kunjungan delegasi dari Luar Negara ke Arkib Negara Malaysia. Disamping itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk memantau dan menilai Pelan Strategik Arkib Negara Malaysia melalui penyediaan dokumen pelan strategik jabatan dan memantau pelaksanaan pelan strategik jabatan melalui mesyuarat kajian semula pelan strategik jabatan.

records. The National Archives of Malaysia has performed audit and inspectorate in an effort to enhance records management in government agencies since 2009. This is in line with the establishment of the Inspectorate Section in 2009 through the organisational structure of the National Archives approved by PSD in 2008. The records management inspectorate is planned and performed periodically every year to chosen agencies based on prescribed criterions. Inspectorate is also done in surprise to agencies as well as based on complaints received which relate to non conformance to regulations, policies and records management regulations currently in force.

As leader in records management, the National Archives of Malaysia has organised Best Records Management Appreciation Programme beginning in 2013 as recognition to agencies implementing the best governance in records management. Other than focussing on audit and inspectorate to government agencies, the National Archives of Malaysia has also held inspectorate to Service Provider Companies that provide Recordkeeping Services – Field Code 221310 and Restoration of Published Materials and Manuscript Services – Field code 221311. This inspectorate is for the purpose of recommendation to companies applying for the Certificate of Registration of Field Codes with Ministry of Finance Malaysia. The certification was created so that companies will provide quality services as well as to ensure no leakages of information of government agencies.

The Strategic Planning and International Relations Section is responsible for identifying needs and coordinating programmes and international professional activities as well as preparing proposal papers on project cooperation under the ASEAN COCI, UNESCO, ICA-PCOM programs and the likes. This section is also responsible for coordinating, preparing and to manage signing affairs of agreement/memorandum of cooperation between the National Archives of Malaysia and Archives institutions or others which are related at international level. This section is also involved in executing the work of international relation affairs secretariat with other bodies and professional archives organisations particularly the International Council of Archives (ICA), Southeast Asia Regional Branch of the International Council of Archives (SARBICA), Southeast Asia-Pacific Audio Visual Archives Association (SEAPAVAA), ACRAM and others. Besides that, this section is responsible for coordinating and managing visits/placement, sending officers/staff of The National Archives of Malaysia abroad and welcoming overseas delegates to the National Archives of Malaysia. Additionally, this section is also given the responsibility to monitor and evaluate the National Archives of Malaysia Strategic Plans through preparation of departmental strategic plan documents and monitoring the implementation of the plans by conducting periodical review meetings.



Peserta Program Kerjasama Teknikal Malaysia bersama Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Encik Azemi Bin Abdul Aziz (hadapan,tengah) bersama sebahagian pengurusan tertinggi Arkib Negara Malaysia bergambar selepas Majlis Penutup Program Kerjasama Teknikal 2014 : 'Developing Strategies On Managing Electronic Records' pada 13 Jun 2014.

Participants of the Malaysian Technical Cooperation Programme with the Director General of The National Archives of Malaysia, YBhg. Mr. Azemi Bin Abdul Aziz (front, center) together with some of the top management of The National Archives of Malaysia after the Closing Ceremony of Technical Cooperation Programme 2014: 'Developing Strategies on Managing Electronic Records' on 13th June 2014.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS

Konsultansi dan Latihan

Sepanjang tahun 2014, sejumlah 234 sesi lawatan konsultansi dan tiga sesi Klinik Konsultansi Pengurusan Rekod telah diadakan. Seksyen juga telah memperakukan sebanyak 1,206 pelantikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ).

Bagi meningkatkan kompetensi PRJ dan PTRJ yang dilantik dalam menguruskan rekod, sebanyak 10 sesi Kursus Pengurusan Rekod Peringkat Asas dan Kursus Peringkat Lanjutan dan 7 sesi Kursus Pemuliharaan Rekod telah dilaksanakan. Sejumlah 100 Kursus Pengurusan Rekod yang diadakan secara dalaman di pelbagai Kementerian/ Jabatan/Agensi kerajaan juga telah dilaksanakan.

Seksyen Konsultansi dan Latihan juga telah melaksanakan sebanyak 18 kursus/bengkel kepada pegawai/kakitangan Arkib Negara Malaysia serta melaksanakan Majlis Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat SUK 2014 pada 4 Disember 2014 sempena Sambutan Hari Arkib yang ke 57 Tahun bertempat di Arkib Negara Malaysia.

Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM)

Antara aktiviti antarabangsa yang telah berjaya dilaksanakan adalah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) yang telah diadakan pada 2 hingga 13 Jun 2014 dan melibatkan 17 orang peserta dari 12 buah Negara.

Consultancy and Training

Throughout 2014, a total of 234 consultancy visits and three sessions on Records Management Consultancy Clinics were held. This section has also recommended the appointment of 1,206 Departmental Records Officer (PRJ) and Administrative Assistant Records Officer (PTRJ).

In enhancing the competency of appointed PRJ and PTRJ in managing records, 10 sessions of Basic Level Records Management courses and Advanced Records Management courses and 7 sessions of Records Conservation course were conducted. A total of 100 Records Management courses were also conducted in-house at the various Ministries/Departments/ Government Agencies.

The Consultancy and Training Section has also conducted a total of 18 courses/workshops to officers/staff of The National Archives of Malaysia as well as conducting the Best Record Management Appreciation Ceremony SUK Level 2014 on December 4th, 2014 in conjunction with The 57th Archives Day Celebration held at the National Archives of Malaysia.

Malaysia Technical Cooperation Programme (PKTM)

Among the international activities that have been successfully implemented was the Malaysia Technical Cooperation Programme (PKTM) which was held from June 2nd to 13th, 2014 involving 17 participants from 12 nations.

YBhg. Datuk Hajjah Raya Erom, Pengerusi Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia sedang berbincang bersama YBhg. Encik Azemi Bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Penasihat pada 4 November 2014.

YBhg. Datuk Hajjah Raya Erom, Chairman of the Advisory Board of The National Archives of Malaysia discussing with YBhg. Mr. Azemi Bin Abdul Aziz, Director General of The National Archives of Malaysia in the Advisory Board Meeting on 4th November 2014.



Mesyuarat Lembaga Penasihat Arkib Negara

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti selaku urus setia kepada Mesyuarat Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia Ke-45 pada 4 November 2014 di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Mesyuarat telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Raya Erom (Pengerusi), YBhg. Encik Azemi bin Abdul Aziz (Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia), YBhg. Tan Sri Ab. Kadir bin Mohamad (Fellow Kehormat Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali dan YBrs. Puan Nor'aini binti Abdul Razak (Timbalan Pengarah Projek, Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan Malaysia).

National Archives Advisory Board Meeting

The Policy, Standard and Quality Management Section as secretariat to the National Archives Advisory Board Meeting has convened the 45th National Archives Advisory Board Meeting on November 4th, 2014 which was held at the National Archives of Malaysia, Kuala Lumpur. The meeting was attended by YBhg. Datuk Raya Erom (Chairman), YBhg. Encik Azemi bin Abdul Aziz (Director General the National Archives of Malaysia), YBhg. Tan Sri Ab. Kadir bin Mohamad (Honorary Fellow, Institute of Strategic and International Study), YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali and YBrs. Puan Nor'aini binti Abdul Razak (Deputy Director Project, Unit ePerolehan, Ministry of Finance Malaysia).



Para peserta Kursus Penyelenggaraan dan Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Arkib Negara Malaysia bergambar bersama YBrs. Puan Faridah Ishak, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan (empat dari kiri) di Dewan Tun Rahah pada 9-10 Disember 2014.

The participants of Maintenance and Improvement of Quality Management System Course MS ISO 9001: 2008 National Archives of Malaysia posing with YBrs. Mrs. Faridah Ishak, Deputy Director General of Planning and Management Sector (fourth from left) at the Dewan Tun Rahah on 9th-10th December 2014.

MS ISO Arkib Negara

Selaku urus setia MS ISO Arkib Negara Malaysia, Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti telah mengadakan Kursus Penyelenggaraan dan Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 pada 9-10 Disember 2014 di Dewan Tun Rahah, Memorial Tun Abdul Razak dan disertai oleh 16 orang Pemilik Proses. Audit Kualiti Dalam Bil.1/2014 pula telah diadakan pada 7-15 Julai 2014. Di samping itu, Arkib Negara Malaysia telah diaudit bagi mendapatkan pensijilan semula MS ISO 9001:2008 oleh pihak SIRIM pada 17-18 September 2014. Arkib Negara Malaysia telah berjaya mendapat pensijilan semula dengan tempoh sah laku yang diberikan oleh pihak SIRIM dari 10 September 2013 sehingga 9 September 2016.

National Archives MS ISO

As the MS ISO secretariat to the National Archives of Malaysia, The Policy, Standard and Quality Management Section has conducted the Maintenance and Improvement Course on Quality System Management MS ISO 9001:2008 on December 9th – 10th, 2014 at the Tun Rahah Hall, Tun Abdul Razak Memorial and participated by 16 process owners. The Internal Quality Audit No.1/2014 was held on July 7th – 15th, 2014. In addition, the National Archives of Malaysia was audited by SIRIM for recertification of MS ISO 9001:2008 on September 17th – 18th, 2014. The National Archives of Malaysia has succeeded in getting recertification by SIRIM with a validity period from September 10th, 2013 until September 9th, 2016.

Inspektorat Pengurusan Rekod

Inspektorat pengurusan rekod telah bermula pada tahun 2009 selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(a), Akta Arkib Negara 2003 (629). Pada tahun 2014, inspektorat yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Records Management Inspectorate

The records management inspectorate was started in 2009 in accordance with the provisions of Section 7(a), National Archives Acts 2003 (629). In 2014, inspectorates were performed as follows:

Bil. No.	Perkara <i>Particulars</i>	Kementerian/Jabatan/ Agensi/Syarikat (Jumlah) <i>Ministries/Department/Agency/ Company (Total)</i>	Tempoh <i>Duration</i>
1	Taklimat Audit dan Inspektorat Pengurusan Rekod <i>Briefing on Audit and Records Management Inspectorate</i>	16	Januari – Disember 2014 <i>January - December 2014</i>
2	Audit dan Inspektorat Pengurusan Rekod di Agensi Terpilih <i>Audit and Records Management Inspectorate at selected agencies</i>	64	Januari – Disember 2014 <i>January - December 2014</i>
3	Audit dan Inspektorat Kepada Pembekal Perkhidmatan Pengurusan Rekod Swasta Yang Memohon Perakuan Pendaftaran Kod Bidang 221310 dan 221311 <i>Audit and Inspectorate to Private Records Management Service Providers applying for certificate of registration of Field Codes 221310 and 221311</i>	12 Syarikat Pembekal Swasta <i>12 Private Supply Company</i>	Januari – Disember 2014 <i>January - December 2014</i>
4	Kerjasama Penilaian Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Bagi Kriteria A5: Pengurusan Rekod <i>Collaboration on Star Rating Evaluation for Land Administration by the Director General Department of Land and Mines (JKPTG) for A5 Criterion:Records Management</i>	33 Pejabat Tanah dan Daerah <i>33 Land and District Office</i>	Mei – November 2014 <i>May - November 2014</i>
5	Audit dan Inspektorat Penghargaan Pengurusan Rekod Peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan (PSUP) 2014 <i>Audit and Records Management Appreciation Inspectorate for Office of the State Secretary (PSUK) and Office of the Federal Secretary (PSUP) Levels 2014</i>	13 PSUK/PSUP <i>13 PSUK/PSUP</i>	November 2014 <i>November 2014</i>

Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan (PSUP) 2014

Majlis Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan (PSUP) 2014 diadakan bersempena dengan Sambutan Ulangtahun Arkib Negara yang ke-57. Majlis Penghargaan ini bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan (PSUP) yang telah melaksanakan tadbir urus pengurusan rekod terbaik.

Berdasarkan penilaian ini, Pasukan Inspektorat telah memilih tiga (3) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) terbaik daripada yang terbaik untuk dianugerahi Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan (PSUP) 2014.

JOHAN	-	SUK Terengganu
NAIB JOHAN	-	SUK Pulau Pinang
KETIGA	-	SUK Kedah

Best Records Management Appreciation for Office of the State Secretary (PSUK) and Office of the Federal Secretary (PSUP) 2014

The Best Records Management Appreciation Ceremony for Office of the State Secretary (PSUK) and Office of the Federal Secretary (PSUP) level 2014 was held in conjunction with the 57th National Archives Anniversary Celebration. The Appreciation Ceremony was aimed at giving recognition and appreciation to Office of the State Secretary and Office of the Federal Secretary for implementing top-ranked governance in records management.

Based on this evaluation, the Inspectorate Team has selected three (3) of the best Office of the State Secretary (PSUK) to be awarded The Best Records Management for the Office of the State Secretary (PSUK) and Office of the Federal State Secretary (PSUP) Level 2014.

1 st	-	State Secretary Terengganu
2 nd	-	State Secretary Penang
3 rd	-	State Secretary Kedah



YBhg. Encik Azemi Bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia (hadapan,tengah) dan YBrs. Puan Faridah Ishak, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan (dua dari kanan) bergambar bersama wakil pegawai PSUK-PSUK dan PSUP-PSUP yang telah menyertai Majlis Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik pada 4 Disember 2014.

YBhg. Mr. Azemi Bin Abdul Aziz, Director General of The National Archives of Malaysia (front, center) and YBrs. Mrs. Faridah Ishak, Deputy Director General of Planning and Management Sector (second from right) poses with representatives of PSUK-PSUK and PSUP-PSUP which has joined the Best Records Management Awards Ceremony on 4th December 2014.

Lawatan Rasmi Ke Luar Negara

Seksyen ini juga telah menyelaras dan menguruskan sebanyak 11 lawatan rasmi ke luar Negara yang melibatkan 33 orang Pegawai Arkib dan Penolong Pegawai Arkib untuk menghadiri mesyuarat, seminar, persidangan, bengkel, kursus dan sebagainya. Seramai 20 orang Pegawai Arkib

Official Visits Abroad

This section also coordinated and managed a total of 11 official foreign trips, involving 33 Archive Officers and Assistant Archive Officers to attend meetings, seminars, conferences, workshops, courses etc. A total of 20 Archive Officers and Assistant Archive Officers were also involved in the uncovering and copying of

dan Pembantu Arkib juga telah terlibat dalam pengesanan dan penyalinan bahan-bahan arkib mengenai Malaysia di 6 buah Negara iaitu United Kingdom, Republik Indonesia, Laos, Australia, Amerika dan India.

Memorandum Persefahaman Dengan Institut Pengajian Tinggi Awam

Pada 3 Disember 2014, bersempena dengan Sambutan Hari Arkib ke 57, Arkib Negara Malaysia melalui Seksyen Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Auditorium Pusat Pendokumentasian dan Pemuliharaan Audiovisual Negara, Arkib Negara Malaysia. Memorandum Persefahaman ini telah ditandatangani oleh Encik Azemi Bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib Negara dan Prof. Dr. Norsaadah Binti Ismail, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni) UiTM.

Memorandum persefahaman ini adalah titik permulaan usaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengadakan usahasama pintar untuk menggalakkan dan mempromosikan kerjasama projek pembangunan dan penyelidikan secara bersama dalam bidang pengurusan rekod dan arkib. Selain itu, ianya bertujuan untuk membangunkan secara bersama modul latihan lanjutan dalam bidang pengurusan rekod dan arkib serta mengemaskini secara bersama sukatan pengajian pengurusan rekod dan arkib bagi program ijazah dan lepasan ijazah UiTM. Disamping itu juga, ianya dapat menganjurkan secara bersama program dan aktiviti pengembangan dan advokasi rekod dan arkib serta mengadakan perkongsian kepakaran dalam bidang pengurusan rekod dan arkib secara berterusan.

Kertas Cadangan Ikhtisas

Sebanyak 1 kertas ikhtisas telah diluluskan iaitu Garis Panduan Penyelarasan dan Pemantauan Kader Pegawai Arkib di Kementerian/ Jabatan.

archive materials about Malaysia in six countries, namely the United Kingdom, the Republic of Indonesia, Laos, Australia, America and India.

Memorandum of Understanding with Public Higher Education Institutions

On December 3rd, 2014, in conjunction with the 57th Archives Day Celebration, the National Archives of Malaysia through the Strategic Planning and International Relations Section organised Memorandum of Understanding Signing Ceremony with Mara University of Technology (UiTM) at the National Documentation and Conservation of Audiovisual Centre Auditorium, National Archives of Malaysia. The Memorandum of Understanding was signed by Mr. Azemi Bin Abdul Aziz, Director General National Archives of Malaysia and Prof. Dr. Norsaadah Binti Ismail, Deputy Vice Chancellor (Industrial Network, Community and Alumni) UiTM.

This Memorandum of Understanding was the starting point in the effort to foster necessary relationship towards having intelligent collaboration and promotion of cooperation as partners in development and research projects in the field of records management and archives. Apart from that, it was also aimed at jointly develop advance training modules in records management and archives as well as jointly updating the syllabus for records management and archives for undergraduate and postgraduate courses in UiTM. Additionally, continuous jointly organised programmes and expansion activities and records advocacy and archives as well as sharing of expertise in the field of records management and archives can be organised.

Professional Proposal Papers

One professional paper was approved which was the Guidelines on Coordinating and Monitoring of Archives Cadre Officers in Ministry/Department.



YBhg. Encik Azemi Bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dan Prof. Dr. Norsaadah bt Ismail, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni) UiTM sedang menandatangani Memorandum Persefahaman sambil disaksikan oleh YBrs. Puan Faridah Ishak, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan dan wakil daripada UiTM di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Arkib Negara Malaysia dan UiTM pada 3 Disember 2014.

YBhg. Mr Azemi Bin Abdul Aziz, Director General of The National Archives of Malaysia and Prof. Dr. Norsaadah bt Ismail, Deputy Vice-Chancellor (Industry, Society and Alumni) UiTM was signed Memorandum of Understanding, witnessed by YBrs. Mrs. Faridah Ishak, Deputy Director General of Planning and Management Sector and representatives from UiTM in the signing of a Memorandum of Understanding between the National Archives of Malaysia and UiTM on 3rd December 2014.



Bahagian Pengurusan
Rekod Kerajaan
Government Records Management Division

BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD KERAJAAN

GOVERNMENT RECORDS MANAGEMENT DIVISION

PROFIL

Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti pengurusan rekod secara menyeluruh iaitu bermula dari pewujudan, penggunaan, pemeliharaan dan pelupusan rekod seperti yang termaktub di dalam Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Bahagian ini terdiri daripada tiga seksyen iaitu Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod, Seksyen Pelupusan Rekod dan Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik. Bahagian ini berfungsi untuk mengurus dan memelihara rekod kerajaan yang amat penting sebagai bahan bukti yang menjadi asas kepada penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod (SPPR) bertanggungjawab mengurus penerimaan dan juga pemprosesan semua jenis rekod awam kecuali bahan pandang dengar. Seksyen ini juga bertanggungjawab mengurus penyimpanan sementara rekod awam yang terdiri dari fail-fail rasmi yang dipindahkan dari jabatan dan agensi awam. Rekod yang bernilai kekal akan disimpan di gedung sementara Pusat Rekod sehingga mencapai usia 25 tahun (bertaraf arkib) akan diproses dan akan dipindahkan ke gedung simpanan kekal di Seksyen Repositori untuk dibuka kepada rujukan umum. Selain itu, seksyen ini

PROFILE

Government Records Management Division is responsible for implementing total records management activities beginning with the creation, usage, preservation and disposal of records as defined in the National Archives Act 2003 (Act 629). This division comprises of three sections which are Records Centre Services Section, Records Disposal Section and Electronic Records Management Section. This division functions to manage and preserve vital government records as evidences that form the basis for improving government services delivery system.

The Records Centre Services Section (SPPR) is responsible for managing the receiving and processing of all public records other than audio visual materials. This section is also responsible for managing temporary storage of public materials comprising of official files that are transferred from public departments and agencies. Permanent records will be stored in temporary storehouse at the Records Centre till the age of 25 years (defined as archives) to be processed and moved into permanent storage storehouse at the Repository Section to be opened for public referencing. Additionally, this section is also responsible for providing advice and expert



Kakitangan Arkib Negara Malaysia yang terlibat dalam Projek Urus di Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod pada 18 Februari 2014.

Staff of The National Archives of Malaysia's participated in URUS Project at Records Service Centre Section on 18th February 2014.

Ketua Timbalan Pendaftar Universiti Malaysia Sabah, Encik No'man Datuk Hj. Ahmad menerima sijil daripada YBhg. Encik Azemi Bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sambil disaksikan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah di dalam Majlis Penyerahan Sijil Persetujuan Jadual Pelupusan Rekod antara Arkib Negara Malaysia & Universiti Malaysia Sabah pada 16 Jun 2014.

Deputy Chief Registrar of University Malaysia Sabah, Mr. No'man Datuk Hj. Ahmad received a certificate from YBhg. Mr. Azemi Bin Abdul Aziz, Director General of The National Archives of Malaysia witnessed by the Vice Chancellor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah on the Records Disposal Schedule Approval Certificate handing Over Ceremony between National Archives of Malaysia and Universiti Malaysia Sabah on 16th June 2014.



turut bertanggungjawab memberi khidmat nasihat dan kepakaran berhubung penubuhan pusat rekod agensi serta penyelenggaraan rekod-rekod awamnya.

Seksyen Pelupusan Rekod bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan pelupusan rekod awam dengan memberi kebenaran kepada permohonan pelupusan rekod awam daripada Kementerian, Jabatan, Agensi dan Syarikat Kerajaan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam melaksanakan Bengkel Pelupusan Rekod Awam dan Bengkel Jadual Pelupusan Rekod (JPR) dan menghasilkan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian pejabat awam.

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik (SPRE) bertanggungjawab untuk merancang dan menyediakan peraturan, prosedur, piawaian, panduan dan ketetapan berkaitan pengurusan rekod elektronik di Sektor Awam berlandaskan Akta Arkib Negara 2003, MS 2223, MS 16175 dan lain-lain perundangan dan peraturan semasa yang berkuatkuasa. SPRE juga dipertanggungjawabkan untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pengurusan rekod elektronik di sepanjang kitaran hayat rekod seperti menyediakan dan menyampaikan taklimat dan khidmat nasihat pengurusan rekod elektronik dan demo Aplikasi Pengurusan Rekod Elektronik yang diguna pakai di Arkib Negara Malaysia kepada Pejabat Awam.

Selain itu, SPRE juga bertanggungjawab untuk melaksanakan program kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain seperti MAMPU dalam pelaksanaan projek-projek pengurusan rekod elektronik. Di antara projek yang sedang dilaksanakan ialah Projek *Digital Document Management System* (DDMS) Sektor Awam. SPRE telah dipertanggungjawabkan sebagai urusetia untuk memantau dan menyelaras kerja-kerja pembangunan Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod sebagai prasyarat bagi Kementerian/Jabatan yang akan melaksanakan Aplikasi Pengurusan Rekod Elektronik. Selain itu, SPRE juga melaksanakan Ujian Keakuran Aplikasi Pengurusan Rekod Elektronik. Disamping itu, SPRE juga bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau penggunaan HP-TRIM (*Electronic Records Management System*) di Arkib Negara Malaysia dan menjalankan usaha-usaha meningkatkan kecekapan penggunaan HP-TRIM melalui latihan serta khidmat bantuan teknikal (*helpdesk*).

services on the establishment of records centre at the agency and maintenance of their public records.

The Records Disposal Section is responsible for managing the application for public records disposal by giving authorisation to the public records disposal application by Ministries, Departments, Agencies and Government Companies. This section is also responsible for conducting Public Records Disposal Workshop and Records Disposal Schedule Workshop (JPR) and to generate Functional Records Disposal Schedule for the public office.

The Electronic Records Management Section (SPRE) is responsible for planning and preparing regulations, procedures, standards, guidelines and resolutions related to electronic records management in Public Sector based on National Archives Act 2003, MS 2223, MS 16175 as well as other legislations and regulations currently in force. SPRE is also responsible for planning and implementing programmes and activities on electronic records throughout the life cycle of the records such as preparing and delivering briefings as well as advisory services in electronic records management and to conduct demonstration to the public office with regards to the Electronic Records Management Application currently used at the National Archives of Malaysia.

Additionally, SPRE is also responsible for implementing collaboration programmes with other government agencies such as MAMPU in the implementation of the electronic records management projects. Among the projects being implemented is the Digital Document Management System (DDMS) for Public Sector. SPRE is accountable as secretariat to monitor and coordinate development work of File Classification and Records Disposal Schedules as prerequisite for Ministries/Departments which will be implementing the Electronic Records Management Application. SPRE also performs the Conformity Tests for Electronic Records Management Application. In addition, SPRE is responsible for coordinating and monitoring the usage of HP-TRIM (Electronic Records Management System) at the National Archives of Malaysia and carrying out efforts in enhancing competency of using HP-TRIM through trainings as well as technical assistance services (helpdesk).

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS

Sepanjang tahun 2014, Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod telah menerima rekod-rekod dari pejabat awam berjumlah 13,223 unit bahan fail yang merangkumi 287.24 meter panjang serta 7,283 unit bahan bukan fail. Seksyen ini juga telah memproses dan memindahkan sejumlah 24,536 unit bahan fail dan bukan fail ke Seksyen Repositori serta menyenaraikan 24,968 unit rekod ke dalam sistem COMPASS. Sepanjang tahun ini juga, sebanyak 10,543 unit fail telah diwasap menggunakan mesin Bio-Master.

Di sepanjang tahun 2014, Seksyen ini bersama Seksyen Audit dan Inspektorat telah membuat lawatan pemeriksaan ke atas dua belas (12) buah pusat rekod agensi swasta yang memohon kelulusan pendaftaran kod bidang daripada Arkib Negara Malaysia. Selain itu, Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod turut menerima kunjungan beserta lawatan berpandu anggota pegawai dan delegasi dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Arkib Negeri Sabah. Seksyen ini turut menerima tiga siri kunjungan kumpulan pelajar daripada Universiti Teknologi MARA.

Projek URUS

Pada tahun 2014, Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod telah melaksanakan semula Projek URUS bertujuan melegakan ruang penyimpanan rekod di gedung Pusat Rekod Petaling Jaya di samping menyegerakan pemindahan rekod bernilai yang telah mencapai taraf arkib ke Seksyen Repositori untuk rujukan umum. Sebanyak dua siri projek telah dapat dilaksanakan pada tahun 2014.

Melalui Projek URUS Siri 1/2014, kerja penilaian dilaksanakan ke atas sejumlah 4,968 unit fail dalam simpanan gedung di Pusat Rekod dengan rekod bertarikh se awal tahun 1928 hingga 1986. Enam kumpulan rekod yang terlibat adalah Kementerian Pelajaran – Pendidikan Guru, Pilihanraya Kedah, Jabatan Penyiasatan Kajibumi, Pejabat Kastam Telok Anson, Jabatan Kerja Raya Kuala Lumpur dan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Telekom. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,448 fail telah diputuskan untuk simpanan kekal manakala sejumlah 3,520 fail diputuskan untuk dimusnahkan. Melalui projek ini, sejumlah 528 meter panjang ruang telah berjaya dilegakan. Manakala 217 meter panjang ruang lagi akan dilegakan selepas selesai kerja memasukkan data dan pemindahan rekod ke Seksyen Repositori untuk simpanan kekal dan rujukan umum.

Melalui Projek URUS Siri 2/2014 yang dilaksanakan sendiri secara 'task force' oleh pegawai dan kakitangan Pusat Rekod, sejumlah hampir 64,000 keping pelan Jabatan Parit dan Tali air yang disimpan di gedung sewaan di Bangunan PERKIM telah dibuat semakan dan disenaraikan untuk tindakan pelupusan, pemuliharaan dan seterusnya pemindahan ke Seksyen Repositori. Pemuliharaan dan pemprosesan ke atas kumpulan bahan ini akan diteruskan pada tahun 2015

Throughout 2014, the Records Centre Services Section received 13,223 units of records from public offices consisted of 287.24 meter lengths file materials as well as 7,283 units of non file materials. This Section has also processed and transferred a total of 24,536 units of file and non file materials to the Repository Section and listed 24,968 units of records into the COMPASS system. Throughout this year too, a total of 10,543 units of files were smouldered using the Bio-Master machine.

In 2014, this Section together with the Audit and Inspectorate Section has conducted inspection visits to twelve (12) private agency records centres that were awaiting approval for registration of field codes from National Archives of Malaysia. In addition, the Records Centre Services Section also received visits and guided tours from officers and delegation from various ministries, departments and agencies such as the Kuala Lumpur City Hall and Sabah State Archives. This section was also visited by three groups of students from MARA University of Technology.

URUS Project

In 2014, the Records Centre Services Section has re-executed the URUS Project intended to relieve the storage space in the Records Centre storehouse in Petaling Jaya as well as expediting the transfer of valuable records that have reached the level of archives to the Repository Section for general reference. Two projects were implemented in 2014.


Through the URUS Project Series 1/2014, evaluation work was performed on a total of 4,968 units of files in a storehouse at the Records Centre having records dated as early as 1928 to 1986. Six record groups that were involved were Ministry of Education – Teacher Education, Election Commission of Kedah, Geological Survey Department, Royal Malaysian Customs Office Teluk Intan, Public Works Department Kuala Lumpur and Ministry of Works, Posts and Telecoms. From this total, 1,448 files have been decided for permanent storage whereas a total of 3,520 files were to be destroyed. Through this project, a total of 528 meter lengths of space were successfully relieved. Further 217 meter lengths of space will be relieved at the completion of data entry and transfer of records to the Repository Section for permanent storage and public reference.

Through the URUS Project Series 2/2014 which was self implemented as 'task force' by officers and staff of the Records Centre, nearly 64,000 pieces of the Department of Irrigation and Drainage plans which were kept in rented storehouse at PERKIM Building were reviewed and listed for disposal, conservation and transfer to the Repository Section. The conservation and processing of this group of materials will continue into 2015 as these records are huge in number and requires detailed


memandangkan kumpulan rekod ini bukan sahaja terdapat dalam jumlah yang sangat besar tetapi juga memerlukan penelitian untuk menentukan tindakan pelupusan yang sesuai diambil. Melalui tindakan pelupusan terhadap kumpulan ini, dijangka ruang di gedung PERKIM seluas 381.3 meter panjang akan dapat dilegakan.

reappraisal to determine the appropriate disposal to be performed. Through this disposal exercise, the storehouse at PERKIM is expected to be relieved by 381.3 meter lengths.


Carta Penerimaan Rekod Awam 2014
Chart of Acceptance of Public Records, 2014




Carta Penerimaan Bahan Fail Mengikut Bulan Tahun 2014
Chart of Acceptance of File Materials by Month For 2014



Carta Penerimaan Bahan Bukan Fail Persekutuan/Negeri Mengikut Bulan Tahun 2014
Chart of Acceptance of Federal / State Non-File Materials by Month In 2014



Carta Penerimaan Bahan Bukan Fail Badan Berkanun Persekutuan/Negeri Mengikut Bulan Tahun 2014
Chart of Acceptance of Statutory Body Federal/State Non-File Materials by Month in 2014



Majlis Menandatangani Persetujuan Bersama (MOU) Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Universiti Malaysia Sabah

Majlis Menandatangani Persetujuan Bersama Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Urusan Fungsian Universiti Malaysia Sabah (UMS) di antara Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Universiti Malaysia Sabah telah diadakan pada 16 Jun 2014 (Isnin), bertempat di Universiti Malaysia Sabah. Perjanjian Persefahaman bagi kelulusan pemakaian JPR Fungsian ini telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Encik Azemi bin Abdul Aziz dan Pendaftar Universiti Malaysia Sabah, Datuk Abdullah bin Haji Mohd Said. Universiti Malaysia Sabah merupakan universiti pertama di Malaysia yang mempunyai Jadual Pelupusan Rekod Fungsian.

JPR Fungsian UMS ini meliputi beberapa kumpulan siri rekod utama iaitu mengenai Pengurusan Universiti (Tadbir Urus), Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, dan Penyelidikan, Persidangan dan Inovasi. Ianya diadakan bagi membantu UMS dalam meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran menerusi pelupusan rekod secara efisien dan sistematik, menjimatkan perbelanjaan pengurusan, penggunaan ruang simpanan rekod secara lebih ekonomik, mematuhi keperluan perundangan dan mengenal pasti serta memisahkan rekod yang mempunyai nilai dengan yang tidak bernilai.

Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Fungsian

Penyediaan JPR Fungsian oleh pejabat awam adalah sejajar dengan peruntukan di bawah seksyen 27(1) dan (3) Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629], di mana Ketua Pentadbir sesebuah pejabat awam dikehendaki menyediakan dan mengemukakan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian dalam bentuk yang ditetapkan bagi pelupusan rekod awam kepada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia untuk kelulusan. Sepanjang tahun 2014, Seksyen Pelupusan Rekod telah dapat melaksanakan Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian yang melibatkan 16 buah Kementerian/ Jabatan/Agensi seperti di Lampiran A.

Pada 22 hingga 24 Jun 2014, Seksyen Pelupusan Rekod, Arkib Negara Malaysia telah mengendalikan Bengkel Penyediaan dan Pengharmonian Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian di Trolak, Perak. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyelaraskan penyediaan Klasifikasi Fail dan JPR Fungsian bagi Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang melibatkan seramai 38 orang terdiri daripada Pegawai Arkib di Ibu Pejabat dan Pegawai Arkib Kader di Kementerian.

Signing Ceremony Memorandum of Understanding (MOU) Records Disposal Schedule (JPR) University Malaysia Sabah

The Functional Record Disposal Schedule (JPR) Memorandum of Understanding Signing Ceremony between University Malaysia Sabah (UMS) and the National Archives of Malaysia (NAM) was held on June 16th, 2014 (Monday), at the University Malaysia Sabah. This Memorandum of Understanding which provided approval for the usage of Functional Record Disposal Schedule was signed by the Director General the National Archives of Malaysia, YBhg. Encik Azemi bin Abdul Aziz and the Registrar University Malaysia Sabah, Datuk Abdullah bin Haji Mohd Said. University Malaysia Sabah is the first university in Malaysia to have Functional Record Disposal Schedule.

Functional Records Disposal Schedule UMS encompass a series of main record groups such as University's Management (Administrative), Students' Affairs and Alumni, and Research, Conference and Innovation. The schedule will aid UMS to enhance their competency in management and administration through a systematic and efficient records disposals, saving in management expenditures, economical use of records storage space, conforming to legal requirements and identifying as well as separating records which have values or otherwise.

Workshop on Preparation of Functional Records Disposal Schedule (JPR)

The preparation of Functional Records Disposal Schedule (JPR) by public offices is in line with the provisions under section 27(1) and (3) National Archives Act 2003 (Act 629), where the Administrative Head of the public office is required to prepare and submit a Functional Record Disposal Schedule for the disposal of public records in the prescribed form to the Director General of The National Archives of Malaysia for approval. Throughout 2014, the Records Disposal Section had conducted Workshop on Functional Records Disposal Schedule involving 16 Ministries/ Departments/ Agencies as in Appendix A.

On June 22nd to 24th, 2014, the Records Disposal Section, the National Archives of Malaysia had conducted the Preparation and File Classification Harmonisation and Functional Records Disposal Schedule Workshop in Trolak, Perak. The workshop was aimed at coordinating the preparation of File Classification and Functional Records Disposal Schedule for Ministries/ Departments/ Agencies involving 38 participants comprising Archivists at the Headquarters and Cadre Archivists of Ministries.

Senarai Jabatan Yang Menganjurkan Bengkel Penyediaan JPR Fungsian Pada Tahun 2014
List of Departments Organising the Preparation of Functional Record Disposal Schedule in 2014

BIL. No.	JABATAN Department	TARIKH BENGKEL/ TAKLIMAT Date of Workshop/Briefing
1.	Mahkamah <i>The Court</i>	22-23 Januari 2014 <i>22-23 January 2014</i>
2.	Majlis Peperiksaan Malaysia <i>Malaysian Examinations Council</i>	27-29 Januari 2014 <i>27-29 January 2014</i>
3.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) <i>Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM)</i>	12-15 Februari 2014 <i>12-15 February 2014</i>
4.	Jabatan Perkhidmatan Awam <i>Public Service Department</i>	17-18 Februari 2014 <i>17-18 February 2014</i>
5.	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat <i>Ministry of Women, Family and Community Development</i>	7-9 Mac 2014 <i>7-9 March 2014</i>
6.	Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) <i>Ministry of Transport Malaysia (MOT)</i>	17-19 Mac 2014 <i>17-19 March 2014</i>
7.	Jabatan Perdana Menteri <i>Prime Minister's Department</i>	24-25 Mac 2014 <i>24-25 March 2014</i>
8.	Kementerian Kesihatan Malaysia <i>Ministry of Health Malaysia</i>	1-3 April & 12 November 2014 <i>1-3 April & 12 November 2014</i>
9.	Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) <i>Commercial Vehicle Licensing Board (LPKP)</i>	21 April 2014 <i>21 April 2014</i>
10.	Kementerian Kewangan Malaysia <i>Ministry of Finance Malaysia</i>	22-25 April 2014 <i>22-25 April 2014</i>
11.	Kementerian Pendidikan Malaysia – Sektor Pengajian Tinggi <i>Ministry of Education – Higher Education Sector</i>	5-6 Mei 2014 <i>5-6 May 2014</i>
12.	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak <i>Sarawak Federal Secretary Office</i>	7-9 Mei 2014 <i>7-9 May 2014</i>
13.	Kementerian Pendidikan Malaysia – Sektor Pelajaran <i>Ministry of Education – Education Sector</i>	19-20 Mei 2014 <i>19-20 May 2014</i>
14.	Jabatan Kehakiman dan Syariah Malaysia <i>Syariah Judiciary Department Malaysia</i>	26-28 Mei 2014 <i>26-28 May 2014</i>
15.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan <i>Ministry of Housing and Local Government</i>	10-12 Jun 2014 <i>10-12 June 2014</i>
16.	Perbadanan Pembangunan Bandar <i>Urban Development Authority</i>	17-18 Disember 2014 <i>17-18 December 2014</i>



Para pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia yang terlibat di dalam Kursus Asas Pembangunan Klasifikasi Fail pada 5-6 Februari 2014.

The officers and staffs of The National Archives of Malaysia involved in File Classification Development Foundation Course on 5-6 February 2014.

Bengkel Pelupusan Rekod

Bengkel Pelupusan Rekod diadakan bagi membantu pejabat awam meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran menerusi pelupusan rekod secara efisien dan sistematik, menjimatkan perbelanjaan pengurusan, penggunaan ruang simpanan rekod secara lebih ekonomik, mematuhi keperluan perundangan dan mengenal pasti serta memisahkan bahan-bahan rekod yang berpotensi untuk dijadikan bahan rujukan pada masa akan datang. Rekod-rekod yang mengandungi maklumat penting negara akan menjadi bahan bukti dan sejarah negara.

Sepanjang tahun 2014, Seksyen Pelupusan Rekod telah dapat melaksanakan Bengkel Pelupusan Rekod yang melibatkan 30 buah Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Bengkel tersebut termasuklah Bengkel Pelupusan Rekod Kementerian Luar Negeri di pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra, Australia yang telah diadakan pada 22 hingga 30 September 2014 dan Bengkel Pelupusan Rekod Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah diadakan pada 30 dan 31 Oktober 2014. UMS telah mengadakan Bengkel Pelupusan Rekod buat pertama kalinya menggunakan JPR Fungsian UMS yang telah disediakan dan ditandatangani pada 16 Jun 2014.

Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod Elektronik

SPRE telah berjaya memberikan khidmat nasihat pengurusan rekod elektronik, demo pelaksanaan aplikasi pengurusan rekod elektronik di Arkib Negara Malaysia dan khidmat nasihat pelupusan rekod/media elektronik kepada sembilan (9) buah Kementerian/Jabatan/Agensi di sepanjang tahun 2014. Selain itu, SPRE juga telah memberikan kebenaran pelupusan media elektronik kepada lima (5) pejabat awam yang telah membuat permohonan tersebut.

Records Disposal Workshop

The Records Disposal Workshop was held to assist public offices in enhancing their management and administrative competency through efficient and systematic records disposals, saving in management expenditures, economical use of records storage space, conforming to legal requirements and identifying as well as separating any potential records materials for future reference. Vital national records are evidence materials and history of the nation.

Throughout 2014, the Records Disposal Section had conducted Records Disposal Workshop involving 30 Ministries/ Departments/ Agencies. These workshop include the Records Disposal Workshop for Ministry of Foreign Affairs at the office of the High Commissioner of Malaysia in Canberra, Australia held on September 22nd to 30th, 2014 and Records Disposal Workshop University Malaysia Sabah (UMS) held on October 30th and 31st, 2014. UMS conducted their inaugural Records Disposal Workshop using the UMS Functional Record Schedule which was provided and signed on June 6th, 2014.

Electronic Records Management Advisory Service

The Electronic Records Management Section has successfully provided electronic records management advisory services, demonstration on the implementation of electronic records management application at the National Archives of Malaysia and advisory services on records disposal/electronic media to nine (9) Ministries/Departments/ Agencies throughout 2014. In addition, the Electronic Records Management Section has also given approval to the disposal of electronic media to five (5) public offices that have submitted their application for this.

Projek Digital Document Management System (DDMS) Sektor Awam

Arkib Negara Malaysia telah dilantik sebagai *Subject Matter Expert (SME)* bagi Projek *Digital Document Management System (DDMS)* Sektor Awam. Di samping memberikan input mengenai pengurusan rekod bagi tujuan pembangunan sistem, SPRE juga telah dipertanggungjawabkan sebagai urus setia untuk menyelaraskan kerja-kerja pembangunan klasifikasi fail dan penyediaan Jadual Pelupusan Rekod yang merupakan pra-syarat bagi pelaksanaan DDMS. Sebanyak lima puluh enam (56) sesi khidmat nasihat dan sesi pengharmonian klasifikasi fail telah dilaksanakan pada tahun 2014.

Sebanyak dua (2) Bengkel Ujian Keakuratan telah diadakan sepanjang tahun 2014 bagi tujuan untuk memperjelaskan aliran proses kerja pelupusan rekod elektronik berdasarkan kepada persekitaran pengurusan rekod di Malaysia. Sesi pertama bengkel telah diadakan pada 21 – 23 Januari 2014 di D.G.Kom Sdn Bhd. Manakala sesi kedua bengkel telah diadakan pada 19 – 21 Februari 2014 di Dewan Tun Razah, Memorial Tun Abdul Razak (MTAR) dengan kerjasama pihak MAMPU dan juga pembekal (Syarikat D.G.Kom Sdn. Bhd).

SPRE juga telah melaksanakan Ujian Keakuratan Aplikasi DDMS bagi tujuan untuk pengujian pematuan aplikasi tersebut kepada MS ISO 16175-2:2012 *Information and documentation – Principles and functional requirements for records in electronic office environments – Part 2: Guidelines and functional requirements for digital records management systems* (ISO 16175-2:2011, IDT).

Seminar Pelupusan Rekod Elektronik Sektor Awam

Pada 15 April 2014, SPRE telah mengadakan Seminar Pelupusan Rekod Elektronik Sektor Awam di Auditorium Bangunan PPPAV, Arkib Negara Malaysia. Seminar ini melibatkan penyertaan daripada 172 orang daripada 64 pejabat awam melibatkan Pegawai Rekod Jabatan, Pegawai Teknologi Maklumat dan Pegawai dari peringkat atasan di Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan terutama di sekitar Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Penganjuran seminar ini bertujuan untuk memberi peningkatan pengetahuan dan kesedaran pejabat awam mengenai kepentingan pelupusan rekod elektronik secara sistematik dan pemeliharaan rekod yang bernilai kekal sebagai institusi memori. Selain itu, ia bertujuan memperjelaskan prosedur pelupusan rekod elektronik dan mengumpul maklumat mengenai aplikasi-aplikasi yang digunakan di pejabat awam. Sesi taklimat dalam seminar tersebut telah disampaikan oleh Puan Azimah Mohd Ali, Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan, Encik Jaafar Sidek Abdul Rahman, Ketua Seksyen Pelupusan Rekod, Puan Hemalatha Ramasamy, Ketua Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik dan Encik Hazrulizam Mohd Hatar, Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik serta Majlis Perasmian telah dirasmikan oleh YBhg. Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Encik Azemi Abdul Aziz.

Digital Document Management System (DDMS) Project for Public Sector

The National Archives of Malaysia has been appointed as Subject Matter Expert (SME) for the Digital Document Management System (DDMS) for the Public Sector. Besides providing inputs on records management for system development, the Electronic Records Management Section is also assigned as secretariat for works on files classification development and preparation of Records Disposal Schedule which are the prerequisite for the implementation of DDMS. A total of fifty six (56) advisory service sessions and harmonisation of files classification sessions were performed in 2014.

Two (2) Conformance Tests Workshop were held throughout 2014 with the aim of clarifying the electronic records disposal workflow process based on the records management environments in Malaysia. The first workshop session was held on January 21st to 23rd, 2014 at D.G.Kom Sdn Bhd. The subsequent workshop was held on February 19th to 21st, 2014 at the Tun Razah Hall, Tun Abdul Razak Memorial (MTAR) with the cooperation of MAMPU and the supplier (Syarikat D.G.Kom Sdn. Bhd).

The Electronic Records Management Section has also performed Conformance Tests of DDMS Application with the aim of testing this application to conform to MS ISO 16175-2:2012 Information and Documentation – Principles and functional requirements for records in electronic office environments – Part 2: Guidelines and Functional Requirements for Digital Records Management Systems (ISO 16175-2:2011, IDT).

Seminar on Electronic Records Disposal for Public Sector

On April 15th, 2014, the Electronic Records Management Section conducted a Seminar on Electronic Records Disposal for Public Sector at the Auditorium PPPAV Building, the National Archives of Malaysia. This seminar was attended by 172 participants from 64 public offices involving Departmental Records Officers, Information Technology Officers and Officers from top management at Ministries, Departments and Federal Agencies especially those from the Federal Territory and Putrajaya. The aim of this seminar is to enhance the knowledge and awareness of public offices with regards to the significance of systematic electronic records disposal and preservation of invaluable records as an institutional memory. In addition, the seminar also aimed at clarifying electronic records disposal procedures and gathering information on the applications utilised at these public offices. The briefing session during the seminar was delivered by Ms. Azimah Mohd Ali, Director, Government Records Management Division, Mr. Jaafar Sidek Abdul Rahman, Head, Records Disposal Section, Ms. Hemalatha Ramasamy, Head, Electronic Records Management Section and Mr. Hazrulizam Mohd Hatar, Information Technology Officer at the Electronic Records Management Section whilst the Opening Ceremony was officiated by Director General, the National Archives of Malaysia, YBhg. Encik Azemi Abdul Aziz.

Bahagian Pengurusan Arkib
Archives Management Division

BAHAGIAN PENGURUSAN ARKIB

THE ARCHIVES MANAGEMENT DIVISION

PROFIL

Bahagian Pengurusan Arkib (BPA) bertanggungjawab dalam pengendalian urusan-urusan berkaitan aktiviti teras Jabatan Arkib Negara Malaysia. Aktiviti utama Bahagian ini adalah mengesan, mengenal pasti, mengumpul dan memperolehi bahan arkib dari pelbagai sumber serta memelihara dan memulihara bahan arkib sebagai bahan bukti sejarah kebangsaan melalui kaedah pengawetan, penjilidan dan reprografi (penyalinan). Selain itu, bahagian ini juga memainkan peranan dalam memperolehi bahan-bahan arkib pandang dengar (audiovisual), menjalankan kerja-kerja pendigitalan bahan di samping menyediakan panducari untuk tujuan pengesanan bahan arkib bagi kemudahan penyelidikan.

Lima Seksyen yang bernaung di bawah BPA iaitu Seksyen Perolehan, Seksyen Pemuliharaan dan Reprografi, Seksyen Arkib Pandang Dengar, Seksyen Panducari dan Seksyen Arkib Digital juga memikul tanggungjawab untuk memperkasakan arkib pandang dengar dan arkib digital bagi memastikan KPI Bahagian dapat disempurnakan. Kerjasama erat telah diwujudkan di antara kelima-lima seksyen di bawah Bahagian ini di samping merealisasikan penyediaan produk dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada pelanggan.

PROFILE

The Archives Management Division (BPA) is responsible for operational tasks of core business of the Department of National Archives of Malaysia. The principal activities of this division are tracing, identifying, collecting and acquiring archival materials from various sources as well as preserving and conserving them as national historical evidence materials through various methods of curing, binding and reprography (copying). In addition, this Division also has roles in acquiring audiovisual archival materials, performing digitisation of materials as well as providing finding-aids for tracking of archival materials to facilitate research.

There are Five Sections that come under BPA namely the Acquisition Section, Conservation and Reprography Section, Audio Visual Archives Section, Finding-Aids Section and Digital Archives Section and each has their own responsibilities in strengthening the audio visual and digital archives while ensuring the Division's Key Performance Indicators (KPI) is fulfilled. Close cooperation has been created among the five sections under this Division besides contributing towards the realisation of competent and efficient products preparation and service deliveries to the clients.



Puan Hajjah Habibah Ismail, Pengarah Bahagian Pengurusan Arkib menunjukkan salah satu bahan yang dikesan sambil diperhatikan oleh YBrs. Puan Faridah Ishak, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan pada Program Jejak Bahan di Perlis.

Mrs. Hajjah Habibah Ismail, Director of Archives Management Division shows one of the archival material founded watched by YBrs. Mrs. Faridah Ishak, Deputy Director General of Planning and Management Sector in 'Jejak Bahan' Programme in Perlis.

Seksyen Perolehan (SPL) bertanggungjawab ke atas perolehan bahan arkib daripada sumber-sumber bukan rasmi yang terdiri daripada rekod-rekod pertubuhan, surat persendirian dan koleksi persendirian.

Rekod Pertubuhan termasuklah arkib pertubuhan, ikhtisas dan sukarela, ekonomi, politik dan agama. Manakala Koleksi Persendirian diperolehi daripada pengesanan dan perolehan bahan-bahan dari sumber rasmi dan persendirian dari dalam dan luar negara. Bahan yang diperolehi termasuklah surat-menyurat, terbitan, surat khabar, gambar, poster, poskad, filem, mikrofilem, cakera padat dan sebagainya. Surat Persendirian pula diperolehi dari orang perseorangan yang banyak berjasa dan memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat. Ketokohan mereka dapat dilihat dari segi pentadbiran, politik, pendidikan, sukan, agama, sastera, kemasyarakatan, kebudayaan, sains, teknologi, hubungan antarabangsa, perniagaan, perdagangan dan lain-lain.

Sepanjang tahun 2014, beberapa aktiviti dan program telah dianjurkan bagi memantapkan koleksi perolehan bahan arkib. Antaranya ialah Program Menjejaki Bahan Sejarah Negara di Negeri Perlis dan Promosi Bahan Arkib. Program menjejaki bahan sejarah negara ini adalah jalinan kerjasama antara Arkib Negara dan beberapa agensi kerajaan lain seperti Perpustakaan Negara Negeri Perlis, Wakil Muzium, Persatuan Sejarah, RTM Perlis dan orang perseorangan. Program ini sedikit sebanyak telah memberi pendedahan kepada orang awam tentang kepentingan bahan sejarah negara untuk disimpan di Arkib Negara bagi tujuan rujukan generasi akan datang. Promosi bahan arkib pula sebagai usaha Seksyen untuk menghebahkan beberapa bahan arkib terpilih untuk dikongsi bersama serta menyebarkan maklumat tentang bahan tersebut terutama kepada para penyelidik.

Seksyen ini turut bertanggungjawab dalam perolehan bahan luar negara dimana kajian dan penyelidikan telah dilakukan oleh pegawai - pegawai Arkib di institusi - institusi terlibat. Perolehan dibuat berdasarkan bahan sejarah negara yang terdapat diluar negara tetapi masih tiada dalam simpanan Arkib Negara.

Pemuliharaan rekod dan arkib merupakan salah satu tugas utama yang dilaksanakan oleh Arkib Negara Malaysia di dalam memastikan bahan-bahan yang bernilai kekal tidak mengalami kerosakan yang berterusan dan dapat dipelihara untuk simpanan kekal. Kerja-kerja pemuliharaan rekod dan arkib telah dipertanggungjawabkan kepada Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi (SPRG). Seksyen ini terbahagi kepada 4 Unit iaitu Restorasi dan Jilid, Reprografi, Makmal dan Kajian serta Sokongan.

Unit Restorasi dan Jilid, bertanggungjawab menjalankan aktiviti-aktiviti seperti menjalankan proses penyemakan bahan, ujian kelunturan dakwat, pengenyahan, pembaikan bahan serta menjilid bahan arkib agar dapat disimpan kekal sebagai warisan negara yang bernilai dan dapat dirujuk. Kaedah pembaikan (restorasi) yang dilakukan terdiri

The Acquisition Section (SPL) is responsible for the acquisition of archival materials from unofficial sources comprising of records of organisations, private papers and personal collections.

Organizational Records includes the organisation archives, professional and voluntary, economy, politics and religion, whereas the Private Papers are acquired through tracking and accession of materials from official sources and from individuals from home and abroad. The materials acquired include letters, publications, newspapers, photographs, posters, postcards, films, microfilms, compact discs and others. Private Papers are acquired from individuals who had significantly served and contributed to the country and community. Their statesmanship can be seen by way of their administration, politics, education, sports, religion, literature, civics, culture, science, technology, international relations, business, trade and others.

Throughout 2014, various activities and programmes were organised to enhance the accession collection of archival materials. Among these are Tracking the Nation's Historical Materials Programme in Perlis and Archival Materials Promotion Programme. The programme on Tracking the Nation's Historical Materials was a network of cooperation between the National Archives of Malaysia and various other government agencies such as the National Library of Perlis, Museum representatives, the Historical Society, RTM Perlis and individuals. This programme has in a way provided exposure to the public on the significance of the country's historical materials to be stored in the National Archives for reference by future generations. The Archival Materials Promotion Programme was an effort by this Section to publicise some of the selected archival materials to be commonly shared as well as disseminating information about the materials especially to researchers.

This Section is also responsible in acquisition of materials from abroad where study and research has been conducted by the Archivists of the institutions involved. The accession is done based on our country's historical materials kept abroad but still unavailable in the National Archives' collection.

Records conservations and archiving are the main tasks performed by the National Archives of Malaysia in ensuring that invaluable materials do not suffer prolong damage and can be restored for permanent storage. The records conservation works and archiving is entrusted to the Preservation and Reprography Section (SPRG). This section consists of 4 units namely the Restoration and Binding, Reprography, Laboratory and Research as well as Support.

Restoration and Binding Unit, is responsible to perform activities such as materials review, ink solubility test, deacidification and restoration as well as binding of archival materials so that they can be permanently stored as a national heritage and referred to. The restoration methods performed are made up of traditional restoration method and encapsulation. The

daripada kaedah pembaikan tradisional dan pengkapsulan. Bagi pembaikan tradisional, ianya terbahagi kepada 2 kaedah iaitu secara manual dan juga menggunakan mesin tuang lembar. Manakala bagi pembaikan secara jilidan, aktiviti yang dijalankan adalah seperti jilidan perpustakaan, jilidan pemuliharaan, jilidan bahan awet, dan jilidan halus. Proses jilidan ini juga, termasuk kerja-kerja meminta tajuk bagi bahan yang telah selesai dijilid pada kulit buku mengikut kesesuaian bahan. Unit Reprografi, bertanggungjawab dalam menjalankan perkhidmatan penyalinan mikrofilem serta gambar. Perkhidmatan mikrofilem yang dijalankan adalah bertujuan untuk menghasilkan Master Negatif, Gen-2 dan Positif. Sebelum penyalinan mikrofilem dijalankan, semakan bahan dibuat supaya bahan yang terhasil daripada penyalinan adalah berkualiti. Unit Makmal dan Kajian bertanggungjawab untuk membantu Unit Restorasi dan Jilid dalam menyediakan larutan pengenyahan asid dan menjalankan ujian pH ke atas dokumen. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab untuk memastikan kelembapan dan suhu bilik simpanan mikrofilem berada dalam keadaan stabil supaya bahan yang disimpan berada di dalam keadaan baik.

Seksyen Arkib Pandang Dengar (SAPD) ditubuhkan selepas penstrukturan semula Jabatan Arkib Negara Malaysia pada bulan Februari 2009 sebagai susulan dari pembangunan Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara (PPPAV) yang bermula pada 2008 dan selesai pada 17 Disember 2009. Seksyen ini terbahagi kepada empat (4) unit, iaitu Unit Filem, Unit Audio Video dan Multimedia, Unit Gambar serta Unit Khidmat Sokongan. Pada akhir tahun 2013, Arkib Negara Malaysia telah melakukan penstrukturan organisasi di mana dua (2) unit telah digabungkan iaitu Unit Audio, Video dan Multimedia dan Unit Filem menjadi Unit Multimedia. Struktur Unit yang baru bagi SAPD ialah Unit Multimedia, Unit Gambar dan Mikrografi dan Unit Sokongan.

Seksyen ini bertanggungjawab untuk menyediakan dasar, standard, prosedur dan garis panduan perolehan, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan audiovisual; serta memproses bahan audiovisual. Seksyen ini juga menyediakan kemudahan repositori untuk rekod-rekod berbentuk filem, audio, video dan multimedia di samping melaksanakan kerja-kerja pendokumentasian serta program pemeliharaan dan pemuliharaan bahan-bahan audiovisual dan juga menyediakan perkhidmatan penyalinan bahan-bahan audiovisual kepada penyidik.

Seksyen Panducari (SPN) yang pada asalnya dikenali dengan Seksyen Panduan telah diwujudkan pada 1 Februari 2009. Seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang, mengkaji, menyediakan dan mengemaskini panducari yang komprehensif secara manual atau online untuk memberi kemudahan rujukan dan capaian bahan arkib tanpa batasan dan waktu kepada penyidik. Fungsi dan objektif sekisyen ini disokong dan dilaksanakan oleh Unit Arkib Rasmi, Unit Arkib Persendirian dan Unit Operasi Khidmat Sokongan.

Pada bulan September 2014, dibawah penstrukturan semula jabatan, Seksyen Panducari (SPN) serta Seksyen Penerbitan dan Percetakan (SPPC) telah digabungkan

traditional method is divided into 2 methods which are manually and utilising the leafcasting machine. Whereas for restoration by binding, the activities performed are library binding, conservation binding, cured materials binding and fine binding. The binding process includes tooling work for cover titles for the bound materials according to suitability of the materials. The Reprographic Unit is responsible for carrying out microfilm and photograph copying services. The microfilm services are performed with the aim of producing Negative Master, Gen-2 and Positives. Before performing microfilm copying, inspection of the materials is done to ensure products from the copying are of quality. The Laboratory and Research Unit is responsible to assist the Restoration and Binding Unit in the preparation of deacidification solution and performing pH tests on documents. In addition, this unit is also responsible in ensuring the humidity and temperature of the microfilm storage room is stable so that the stored materials are kept in good condition.

The Audio Visual Archives Section (SAPD) was established after the restructuring exercise of the Department of National Archives of Malaysia in February 2009 as a follow up to the development of National Audiovisual, Documentation and Preservation Centre (PPPAV) which was started in 2008 and completed on December 17th, 2009. This Section is divided into four (4) units, which are Film Unit, Audio Video and Multimedia Unit, Photography Unit and Support Service Unit. At the end of 2013, the National Archives of Malaysia conducted organisational restructuring where two (2) units were merged and they were the Audio Video and Multimedia Unit and Film Unit now known as Multimedia Unit. The new unit structure for SAPD are Multimedia Unit, Photography and Micrography Unit and Support Unit.

This Section is responsible for the preparation of policies, standards, procedures and accession guidelines, preservation and conservation of audio visual materials; as well as processing of audiovisual materials. This Section also provides repository facilities for records in the form of films, audio, video and multimedia as well as performing documentation works and preservation and conservation programmes of audiovisual materials and also provides audiovisual materials copying service to researchers.

The Finding-Aids Section (SPN) formerly known as Directory Section was created on February 1st, 2009. This Section is responsible for planning, reviewing, providing and updating comprehensive finding-aids either manually or online to provide reference facilities as well as access to the archival materials with no limitations and time constraints to researchers. The functions and objectives of this Section are supported and implemented by Official Archives Unit, Private Archives Unit and Support Service Operation Unit.

In September 2014, under the departmental restructuring, Finding Aids Section (SPN) and Publication and Printing Section (SPPC) were merged and placed under the Planning, Research

diletakkan dibawah Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dokumentasi (BPPD). Seksyen yang digabungkan ini diberi nama Seksyen Panducari dan Penerbitan (SPCP).

Seksyen Arkib Digital (SAD) mempunyai dua unit iaitu Unit Peralihan Data yang bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja peralihan data (bahan arkib) dari bentuk konvensional (analog) kepada bentuk digital dan Unit Pemeliharaan Digital yang menjalankan pemeliharaan bahan arkib digital bagi memastikan bahan arkib sentiasa dapat diakses.

Pegawai dan kakitangan Seksyen Arkib Digital terdiri daripada sepuluh orang yang diketuai oleh seorang Ketua Seksyen, dibantu oleh dua orang Pegawai Arkib, seorang Pegawai Teknologi Maklumat, dua orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, dua orang Pembantu Arkib dan seorang Pembantu Am Pejabat.

and Documentation Division (BPPD). The merged Section is known as Finding Aids and Publication Section (SPCP).

The Digital Archives Section (SAD) has two units namely the Data Migration Unit which is responsible in performing data migration works (archival materials) from conventional (analog) to digital form and the Digital Preservation Unit which performs preservation of digital archival materials ensuring these are always accessible.

The officers and staff of the Digital Archives Section consist of ten people headed by Head of Section, assisted by two Archivists, one Information Technology Officer, two Information Technology Assistant Officer, two Archives Assistants and one Office General Assistant.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS

Perolehan Bahan

Di antara perolehan bahan-bahan luar negara sepanjang tahun 2014 terdiri dari *Archives New Zealand* merupakan bahan terdiri daripada salinan imej digital sebanyak 31 fail/ 7,000 atau 6,988 mukasurat dalam bentuk format *tiff* dan *jpeg*. Pembelian bahan-bahan Dalrymple's Chart dari *State Library of New South Wales, Australia* terdiri daripada salinan imej peta dalam 2 volume iaitu volume 1 mengandungi 5 peta dan volume 4 mengandungi 3 peta. Perolehan bahan terdiri daripada salinan imej digital dari *The National Archives United Kingdom* merupakan rekod-rekod FCO 141: *Colonial Administration Records (Migrated Archives): Singapore* sebanyak 332 keping/ 29,055 imej. *The Brooke Heritage Trust, United Kingdom* merupakan bahan *Papers of the Brookes of Sarawak, 1880-1918* terdiri daripada salinan imej digital

Acquisition of Materials

Among the acquisition of materials from abroad throughout 2014 were materials from *The Archives of New Zealand* which were duplicates of digital images totalling 31 files/ 7,000 or 6,988 pages in *tiff* and *jpeg* formats. The procurement of 'Dalrymple's Chart' materials from the *State Library of New South Wales, Australia* comprising duplicates of map images in 2 volumes where in volume 1 contained 5 maps and volume 4 contained 3 maps. The accession of digital images duplicates from *The National Archives United Kingdom* which were records of FCO 141: 'Colonial Administration Records (Migrated Archives): Singapore' totalling 332 pieces/ 29,055 images. Acquisition from *The Brooke Heritage Trust, United Kingdom* where materials on 'Papers of the Brookes of Sarawak 1880-1918' were acquired, comprising of duplicates of digital images totaling 6,893



YBrs. Puan Faridah Ishak, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan bersama-sama wakil daripada Syarikat Integrasi Naluri Sdn Bhd semasa Majlis Penyerahan Projek MyCC Fasa 1 pada 29 September 2014.

YBrs. Mrs. Faridah Ishak, Deputy Director General of Planning and Management Sector, together with representatives from the Syarikat Integrasi Naluri Sdn Bhd during the Submission of MyCC Project Phase 1 Ceremony on 29th September 2014.

sebanyak 6,893 imej digital. Salinan digital bahan berkaitan Nadra @ Bertha Hertogh Papers (Natrah) sebanyak 4 fail dari Het Markiezenhof (*Historich Centrum*), Bergen Op Zoom, *Netherland* dan Pendigitalan 'Archival Material Relating to Tin Mines In Malaya' oleh Max Imaging & Archive Services, *United Kingdom*.

Bengkel Pembaikan Jepun

Pada 26 – 30 Mei 2014, satu bengkel pembaikan Jepun telah diadakan di Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi (SPRG). Bengkel yang diadakan dengan kerjasama Seksyen Konsultansi dan Latihan (SKL) ini telah dihadiri oleh kesemua Pembantu Pemeliharaan, Pembantu Arkib, Jurufotografi dan Penolong Pegawai Arkib Kanan dalam Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi.

Bengkel yang diadakan ini bertujuan sebagai satu sesi perkongsian ilmu dengan para peserta dengan dikendalikan oleh Cik Siti Nurhayaty Syahir yang telah menghadiri bengkel pembaikan Jepun di negara Matahari Terbit itu sendiri pada 26 Ogos – 13 September 2013 anjuran pihak *International Centre for the Study of the Preservation and Restoration of Cultural Property (ICCROM)*.

Sepanjang bengkel lima hari ini, para peserta didedahkan dengan teknik pembaikan Jepun yang sedikit berlainan dengan teknik yang diamalkan di SPRG. Ini adalah kerana, teknik dari negara itu banyak menggunakan bahan semulajadi sebagai perkakas pembaikan. Antara teknik yang berlainan dari yang dijalankan di SPRG ialah teknik pembaikan tisu dan teknik pengeringan.

Selain itu, para peserta juga diajar cara menyediakan perekat kanji yang digunakan dalam pembaikan Jepun. Mereka juga didedahkan dengan perekat usia yang telah disimpan bertahun-tahun bagi menghasilkan perekat yang kuat dan mampu memelihara sesuatu bahan dalam satu tempoh yang lama.

Bengkel Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Tahun 2014

Pada 11 – 13 Jun 2014, Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi dengan kerjasama Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti telah mengadakan bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Bengkel yang diadakan di Dewan Tun Razah, Memorial Tun Abdu Razak, Kuala Lumpur bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman serta persediaan jabatan mengenai KIK jika ada pertandingan peringkat Kementerian. Bengkel ini telah disampaikan oleh Encik Nik Sehar bin Haji Nik Wan selaku fasilitator bengkel.

Seramai 18 orang peserta telah menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada Penolong Pegawai Arkib Kanan, Pembantu Pemeliharaan Kanan, Pembantu Pemeliharaan dan Jurufotografi. Kemudian, peserta-peserta ini telah

images. Digital duplicates of materials related to Nadra @ Bertha Hertogh Papers (Natrah) in 4 files from Het Markiezenhof (Historich Centrum), Bergen Op Zoom, Netherlands and finally digitisation for 'Archival Material Relating to Tin Mines in Malaya' by Max Imaging & Archive Services, United Kingdom.

Workshop on Japanese Restoration

On May 26th – 30th, 2014, a Workshop on Japanese Restoration was held at the Preservation and Reprography Section (SPRG). The workshop was held with the cooperation of the Consultancy and Training Section (SKL) and was attended by all Conservation Assistants, Archives Assistants, Photographers and Senior Assistant Archivists in the Preservation and Reprography Section.

The workshop was aimed as knowledge sharing session among participants and was conducted by Miss Siti Nurhayaty Syahir who had attended the Japanese restoration workshop in the Nation of the Rising Sun on August 26th – September 13th, 2013 organised by the International Centre for the Study of the Preservation and Restoration of Cultural Property (ICCROM).

Throughout the five day workshop, participants were exposed to Japanese restoration techniques which were slightly different from that practiced at SPRG. This was because the techniques of that nation made abundant use of natural materials as their restoration equipments. Among the techniques which were different from those conducted at SPRG were tissue restoration and drying techniques.

Additionally, participants were also taught on the manner of preparation of starch adhesive used in Japanese restoration. They were also exposed to aged adhesive which was stored for years resulting in a very strong adhesive and capable of preserving materials over a very long period.

Workshop on Innovative and Creative Group (KIK) 2014

On June 11th – 13th, 2014, Preservation and Reprography Section with the cooperation of Policy, Standards and Quality Management Section organised the Innovative and Creative Group (KIK) Workshop. The workshop was held at the Tun Razah Hall, Tun Abdu Razak Memorial, Kuala Lumpur aimed at enhancing the knowledge and understanding as well as the departmental readiness in relation to KIK, should there be a ministry level competition. The workshop was facilitated by Mr. Nik Sehar bin Haji Nik Wan.

A total of 18 participants attended this workshop comprising Senior Assistant Archivists, Senior Conservation Assistants, Conservation Assistants and Photographers. Participants were

dibagikan kepada dua kumpulan dengan di akhir bengkel nanti, kedua-dua kumpulan ini akan membuat pembentangan mengenai rancangan yang ingin dilakukan dalam kumpulan masing-masing.

Kumpulan pertama diketuai oleh Encik Ruslan Abdul Hamid sementara kumpulan kedua diketuai oleh Cik Siti Nurhayaty Syahir. Encik Ruslan telah mencadangkan untuk menghasilkan perekat dengan menggunakan sago sementara Cik Siti Nurhayaty mencadangkan untuk menghasilkan kertas daripada lebih Handmade Paper (lebih dari pembaikan) dan tidak terpakai.

Sepanjang tiga hari itu, para peserta diajar oleh fasilitator untuk menganalisis masalah, merancang untuk memilih penyelesaian untuk masalah yang dikemukakan dan cara-cara untuk mempersembahkan hasil projek kepada pihak juri. Pelbagai idea baharu dan penambahbaikan yang diperolehi oleh setiap peserta ketika sesi pembentangan diadakan.

divided into two groups and at the end of the workshop; each group presented their plans for the group.

The first group was headed by Mr. Ruslan Abdul Hamid while the second was led by Miss Siti Nurhayaty Syahir. Mr. Ruslan had proposed the making of adhesives using sago flour and Miss Siti Nurhayaty proposed paper making using the remnants of unused Handmade Paper (from the restoration work).

Throughout the three days, participants were taught to perform problem analysis, to plan for resolving the identified problems and the presentation styles of project outcomes for the juries. There were several new ideas and improvements gained by participants during the presentation sessions.

Sumber	No. SPR	Jumlah Kotak	Status SPR	Status Kotak
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA, JABATAN	1975/00503	53	3	Metadata
ARKIB NEGARA MALAYSIA, JABATAN	1990/00019	5	3	
AUDIT NEGARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, JABATAN	1957/00385	45	3	QC Pertama
AUDIT NEGARA CAWANGAN PERAK, JABATAN	1986/00077	7	3	
AUDIT NEGARA, JABATAN	1984/00291	123	3	QC Kedua
BRITISH RESIDENT'S OFFICE, PAHANG	1957/00379	1	3	
BURUH DAN TENAGA RAKYAT, JABATAN	1974/00504	39	3	Sedang Kelulusan
BURUH DAN TENAGA RAKYAT, JABATAN	1974/00505	58	3	
BURUH DAN TENAGA RAKYAT, JABATAN	1985/00467	19	3	
BURUH DAN TENAGA RAKYAT, KEMENTERIAN	1968/00505	37	3	Siap Kelulusan
BURUH DAN TENAGA RAKYAT, KEMENTERIAN	1981/00502	1	3	
BURUH MUAR, JOHOR, PEJABAT	1957/00344	5	3	Muatnaik

Keterangan Status Kumpulan Rekod

1 - Sedang Dalam Proses 2 - Siap Kelulusan 3 - Siap Muat-Naik ke COMPASS

Kriteria Carian: ☐ Sumber ☐ No. SPR Carian

Projek MYCC – Projek Pembangunan Sistem Kawalan Intelektual (ICS)

Pada tahun 2014 melalui Projek MyCreative Content (MyCC), Arkib Negara Malaysia telah berjaya membangunkan sebuah aplikasi yang dikenali sebagai Aplikasi Kawalan Intelektual (ICS) bagi melaksanakan kawalan kualiti pendigitalan bahan arkib. Aplikasi ICS ini merupakan satu aplikasi yang dibangunkan bagi memudahkan aktiviti pendaftaran bahan arkib dan dengan adanya aplikasi ini, semua kerja-kerja pendaftaran bahan arkib khususnya bahan fail dapat dilakukan secara serentak oleh kakitangan Arkib Negara Malaysia selain dapat menjimatkan masa dan ruang kerja.

Pendaftaran bahan dan semakan kualiti secara dua (2) peringkat dapat dilaksanakan pada aplikasi ini sebelum semua metadata bahan arkib yang didaftarkan dimuatnaik ke dalam Aplikasi COMPASS untuk pelaksanaan akan

MyCC Project – Development of Intellectual Control System (ICS) Project

In 2014 through MyCreative Content (MyCC) project, the National Archives of Malaysia has succeeded in developing an application to perform the process of quality control for digitized archive materials known as Intellectual Control System (ICS). The ICS application was developed to facilitate registration of archives materials and with this application, registration of all archival materials specifically file materials can be performed simultaneously by staff of the National Archives of Malaysia as well as saving time and working space.

Registration of materials and quality checking in two (2) stages were performed by this application before all the registered archival materials metadata can be uploaded into the COMPASS Application for implementation of the final

penerimaan akhir, pelabelan, penglokasian dan seterusnya dapat diakses oleh penyelidik.

Pembangunan aplikasi ini telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan oleh pihak syarikat yang dilantik melalui tawaran sebutharga bermula pada Jun sehingga Disember 2014. Selain dapat digunakan di dalam pelaksanaan Projek Kemasukan Metadata Bahan Arkib, aplikasi ini juga dicadang digunapakai oleh semua seksyen dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri yang memproses bahan arkib fail.

Projek MYCC – Projek Kemasukan Metadata Bahan Arkib

Projek Kemasukan Metadata Bahan Arkib juga merupakan salah satu daripada projek yang digariskan dibawah Projek *MyCreative Content* (MyCC) dan telah dipertanggungjawabkan di bawah Seksyen Panducari. Pelaksanaan projek ini telah dilaksanakan oleh pihak syarikat yang dilantik secara tender selama satu (1) tahun di premis Arkib Negara bermula pada 23 Disember 2013 sehingga 22 Disember 2014.

Seksyen Panducari selaku pemilik projek turut terlibat dalam aktiviti keurusetiaan meliputi penyediaan tender, penyediaan bahan dan panduan, pemberian taklimat, kerja-kerja semakan kualiti sehingga kepada pengesahan pembayaran akhir projek.

Aktiviti pendaftaran dan semakan kualiti ke atas jumlah bahan yang disasarkan bagi projek ini telah dilaksanakan

acceptance acknowledgement, labelling, localisation and eventually accessed by researchers.

Development of this application has been successfully implemented in six (6) months beginning in June until December 2014 by the appointed company offered through quotations. Apart from being used in the implementation of Archival Materials Metadata Entry Project, this application was recommended for use in all sections and the State Branches of the National Archives of Malaysia that process archival files materials.

MyCC Project – Archives Materials Metadata Entry Project

Archival Materials Metadata Entry Project is also under MyCreative Content (MyCC) Project and has been entrusted to the Finding Aids Section. This project implementation has been carried out by the company for one (1) year at the premise of the National Archives beginning December 23rd, 2013 until December 22nd, 2014.

The Finding Aids Section as project stakeholder was also involved in the secretariat activities encompassing preparation of tender, preparation of materials and guidelines, briefings, quality checks and also confirmation of final payment for the project.

Registration activities and quality checks on total number of materials targeted for this project have been fully implemented



Kakitangan Syarikat Integrasi Naluri Sdn. Bhd. sedang menjalankan proses kerja pelabelan bahan arkib.


Staffs from Syarikat Integrasi Naluri Sdn. Bhd. was to carry out labeling of archival materials process.

sepenuhnya pada Aplikasi Kawalan Kualiti Pendigitalan (ICS) manakala akuan penerimaan akhir, pelabelan dan penglokasian pula telah dilaksanakan pada Aplikasi COMPASS. Melalui projek ini, sebanyak 161,994 bahan yang merangkumi 238 kumpulan rekod telah berjaya didaftarkan dan tersedia untuk rujukan.

into the Digitisation Quality Control (ICS) Application whilst the final acceptance acknowledgement, labelling and localisation were implemented into the COMPASS Application. Through this project, a total of 161,994 materials comprised of 238 records groups were successfully registered and ready for reference.

Sistem DOTS yang digunakan bagi kerja-kerja semakan kualiti pendeskripsian.

DOTS system used for checking the quality of description.



Projek Mycc – Pendeskripsian Bahan Arkib

Pada tahun 2014 juga, Seksyen Panducari juga terlibat dengan dua (2) fasa Projek Pendeskripsian Bahan Arkib Bagi Arkib Negara Malaysia yang melibatkan kerja-kerja penyediaan sebutharga, penilaian, penyediaan bahan, penyediaan panduan, pemberian taklimat, kerja-kerja semakan kualiti sehingga kepada pengesahan pembayaran akhir projek. Kedua-dua projek yang dijalankan ini telah dilaksanakan oleh pihak syarikat yang dilantik dan dilaksanakan sepenuhnya di premis Arkib Negara Malaysia.

Projek Pendeskripsian Fasa 1 telah berjaya menyediakan sebanyak 20,000 deskripsi ke atas bahan arkib yang telah didigitalkan dalam tempoh enam (6) bulan iaitu bermula pada November 2013 sehingga April 2014. Bagi Projek Pendeskripsian Fasa dua (2) pula, pihak syarikat telah menyelesaikan sejumlah 17,500 deskripsi ke bahan fail fizikal. Projek ini juga telah dilaksanakan selama enam (6) bulan bermula pada 10 Jun hingga 9 Disember 2014.

Semakan Kualiti ke atas kesemua deskripsi yang telah dihasilkan telah dilaksanakan sepenuhnya pada Aplikasi Dots (Document Online Tracking System) sebelum dimuatnaik ke dalam Aplikasi COMPASS dan tersedia untuk rujukan. Kedua-dua projek ini telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan mengikut kontrak yang ditandatangani.

MyCC Project – Archives Materials Description

In 2014, the Finding Aids Section was also involved in two (2) phases of the Archives Materials Description Project For the National Archives of Malaysia involving tasks on preparation of price quotations, assessment, preparation of materials, preparation of guidelines, briefings, quality checks including acknowledgement of the project final payment. These two projects were performed and completed by the appointed company and fully implemented at the premises of the National Archives Malaysia.

The Description Project Phase 1 has successfully prepared a total of 20,000 descriptions to the digitised archives materials in a period of six (6) months beginning November 2013 until April 2014. For phase 2 of the Description Project, the company has resolved 17,500 descriptions to physical files. This project was also performed in six (6) months beginning Jun 10th until December 9th, 2014.

Quality checks to all completed descriptions were fully implemented into Dots (Document Online Tracking System) Application before being uploaded into the COMPASS Application and ready for reference. Both these projects were successfully implemented in the prescribed period in accordance to the contract.



Projek MYCC – Pembangunan Aplikasi OFA (*Online Finding AIDS*)

Sempena Projek MyCC, Seksyen Panducari bertanggungjawab sebagai urusetia bagi membincangkan keperluan OFA. Seksyen Panducari juga telah memastikan modul berikut berjalan dengan lancar:

- pembangunan modul Panducari;
- integrasi data antara aplikasi OFA dengan data daripada aplikasi *Computerised Archival System and Services* (COMPASS), *Archival Management System* (AMS) dan *Media Aset Management System* (MAMS);
- pembangunan modul penempahan bahan dalam talian;
- pembangunan modul pembayaran dalam talian;
- pembangunan modul pemuliharaan format digital/ pengubahsuaian aplikasi COMPASS dan MAMS.

Secara keseluruhan sesi ini berjalan dengan jayanya walaupun terdapat banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak pembekal. Aplikasi OFA di bawah Projek MyCC Fasa 1 telah diserahkan secara rasminya kepada Arkib Negara Malaysia pada September 2014 dan akan tamat tempoh waranti pada 31 Ogos 2015.

Program Pendeskripsian Fail Bersama Pelajar-Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Program Pendeskripsian Fail untuk pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari Jabatan Sejarah dan Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kali ke-sembilan ini telah berjalan selama dua hari di Bilik Latihan, Tingkat 1, Bangunan PPPAV pada 17 hingga 18 Mac 2014. Selain mempromosikan fungsi Arkib Negara, program ini bertujuan mendidik pelajar dengan kaedah pendeskripsian yang betul dan tepat berdasarkan standard kearkiban.

*MyCC Project – Development of OFA (*Online Finding AIDS*) Application*

With regards to MyCC Project, the Finding Aids Section was responsible as secretariat for the discussions on the requirements of OFA. The Finding Aids Section has also ensured the following modules were running smoothly:

- *development of Finding Aids module;*
- *data integration between the OFA application with the data from Computerised Archival System and Services (COMPASS), Archival Management System (AMS) and Media Assets Management System (MAMS) applications;*
- *development of online materials procurement module;*
- *development of online payment module;*
- *development of digital format conservation/ modifications to COMPASS and MAMS applications module.*

On the whole, the sessions proceeded successfully even though substantial improvements need to be performed by the supplier. The OFA application under Phase 1 of MyCC Project was officially handed over to the National Archives of Malaysia in September 2014 with a warranty expiring on August 31st, 2015.

File Description Programme With Students of International Islamic University Malaysia (UIAM)

Files Description Programme for the students of Department of History and Civilisation, Islamic International University Malaysia (UIAM) has been done for the ninth time, was conducted over two days at the Training Room, Level 1, PPPAV Building on March 17th and 18th, 2014. Besides promoting the functions of National Archives, this programme was aimed at educating students on the proper and accurate file description methods based on archival standards.

Program ini telah melibatkan 37 orang pelajar yang dikendalikan di bawah pengawasan pensyarah pengiring, Prof. Madya Dr Abdul Ghani dan Dr Wan Suhana. Para pelajar telah diberi fail dari kumpulan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak untuk latihan pendeskripsian. Sebanyak 740 deskripsi telah disemak dan pemberian markah adalah berdasarkan struktur pendeskripsian yang tepat. Umumnya pencapaian dan kualiti pendeskripsian fail yang dibuat oleh pelajar UIA kali ini adalah baik dan memuaskan.

The programme for 37 students was conducted under the supervision of accompanying lecturers, Prof. Madya Dr Abdul Ghani and Dr Wan Suhana. The students were provided with files from the State Secretariat of Perak for their description exercise. A total of 740 descriptions were assessed and marks awarded based on accurate description structure. Generally, their achievements and quality of file descriptions were good and satisfactory.



Sesi taklimat yang dikendalikan oleh pegawai dan kakitangan seksyen Panducari di Bilik Latihan PPPAV.

The briefing was conducted by officers and staff from Finding Aids Section in the Training Room PPPAV.

Kemasukan Data

Unit Peralihan Data SAD telah melaksanakan kerja-kerja kemasukan metadata bahan arkib ke dalam Sistem COMPASS. Sebanyak 1400 bahan telah dibuat kemasukan metadata ke dalam sistem COMPASS.

Bahan-bahan arkib yang didaftarkan ke dalam Sistem COMPASS ini adalah usaha berterusan yang dijalankan oleh Seksyen Arkib Digital bagi memastikan kumpulan rekod yang belum lagi didaftarkan ke dalam COMPASS yang boleh diakses oleh penyelidik dengan mudah dan sistematik.

Data Entry

Data Migration Unit Digital Archives Section (SAD) has completed archival materials metadata entry into the COMPASS system. Metadata for a total of 1,400 materials were entered into the COMPASS system.

The archival materials that were registered into the COMPASS system is a continuous effort performed by the Digital Archives Section in ensuring unregistered records groups in COMPASS can be easily and systemically accessed by researchers.

Pendigitalan Bahan Arkib Dokumen

Bagi Projek Pendigitalan Bahan Arkib Dokumen di bawah projek MyCC sebanyak 3,540,000 mukasurat telah didigitalkan sepanjang tahun 2014. Projek pendigitalan tahun ini melibatkan pendigitalan bahan arkib di ibu pejabat dan juga cawangan negeri iaitu Cawangan Negeri Johor, Pahang dan Kedah.

Digitisation of Document Archival Materials

For the project on Digitisation of Document Archival Materials under MyCC project a total of 3,540,000 pages were digitised throughout 2014. Digitisation for the year has included digitisation of archival materials at the headquarters and also the state branches namely Johore, Pahang and Kedah branches.

Archival Management System (AMS)

Archival Management System (AMS) adalah sebuah sistem yang berkeupayaan memelihara rekod dalam format digital. Sepanjang 2014 sebanyak 400 bahan terbitan dari pelbagai agensi kerajaan telah dimuatnaik (*ingest*) ke dalam AMS.

Archival Management System (AMS)

*Archival Management System (AMS) is a system capable of preserving records in digital format. Throughout 2014 a total of 400 materials published by various government agencies were uploaded (*ingested*) into the AMS.*

Bagi tahun 2014, pihak Seksyen meneruskan projek pemeliharaan ke atas rekod digital dengan menjalankan kajian ke atas rekod dalam bentuk digital yang terdapat di jabatan kerajaan dengan kerjasama Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik.

Projek Pengemaskinian Bahan Audio Visual

Sepanjang tahun 2014, Seksyen Arkib Pandang Dengar telah memperoleh dan memproses sebanyak 6184 bahan audiovisual (812 bahan yang meliputi filem, VCD, DVD dan kaset serta 5372 keping gambar dan kebanyakannya diterima dari Kementerian Belia dan Sukan dan Jabatan Penerangan Malaysia). Selain itu, seksyen ini telah melaksanakan aktiviti lawatan khidmat nasihat berkaitan audiovisual kepada 5 jabatan/agensi.

Seksyen ini juga telah meneruskan Projek Pendigitalan dan Pendeskripsian Bahan Audio Visual (AV). Ia merupakan salah satu projek sambungan di bawah Projek MyCreative Content (MYCC) Arkib Negara Malaysia (ANM) sejak dimulakan pada tahun 2011. Projek Pendigitalan Audio Visual ini bermula pada 16 Julai 2014 dan berakhir 15 Disember 2014.

Projek yang mengambil masa selama 5 bulan ini telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor iaitu Syarikat Integrasi Naluri Sdn Bhd. Antara bahan audio visual yang didigitalkan adalah koleksi terbitan Arkib Negara Malaysia sahaja seperti Wawancara Sejarah Lisan (*Oral History*), Majlis Pengkisahan Sejarah, Majlis Polemik, Majlis Bicara Tokoh dan lain-lain lagi. Sebanyak 200 jam bahan audio dan video telah berjaya didigitalkan dan dideskripsikan. Antara bahan audio visual yang didigitalkan ialah Pita VHS, Mini DV, VCD dan DVD bagi koleksi video serta *Open Reel*, Kaset dan CD bagi koleksi Audio.

In 2014, this Section has continued the preservation project on digital records by performing study on digital records available at government departments in collaboration with the Electronic Records Management Division.

Audio Visual Materials Update Project

Throughout 2014, the Audio Visual Section had acquired and processed a total of 6,184 audiovisual materials (812 materials that included films, VCD, DVD and cassettes as well as 5,372 photographs which for most were received from the Ministry of Youths and Sports and Information Department Malaysia). Additionally, this section had conducted advisory services visits related to audiovisual to 5 departments/agencies.

This Section had also continued the Digitisation and Audio Visual (AV) Materials Description Projects. This was one of the continuation projects under MyCreative Content (MyCC) Project of National Archives of Malaysia (ANM) since it was first started in 2011. The Audio Visual Digitisation Project was started on July 16th, 2014 and ended on December 15th, 2014.

This project which took 5 months was performed by the contractor Syarikat Integrasi Naluri Sdn Bhd. Among the audio visual materials being digitised were those from the collection of publications by National Archives of Malaysia such as Oral History, Oral History Ceremony, Polemic Ceremony, Discourse on Personages Ceremony and others. A total of 200 hours of audio and video materials were successfully digitised and described. Among the audio visual materials digitised were VHS Tapes, Mini DV, VCD and DVD for the video collections as well as Open Reel, Audio Cassettes and CD for the audio collections.



YBhg. Encik Azemi Bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia menunjukkan dokumen Belanda bertarikh sekitar tahun 1820an sebagai salah satu koleksi bahan arkib semasa Majlis Promosi Bahan Arkib Terpilih pada 4 November 2014.

YBhg. Mr. Azemi Bin Abdul Aziz, Director General of the National Archives of Malaysia showed a document of Netherlands from 1820s as a collection of archival material during 'Majlis Promosi Bahan Arkib Terpilih' on 4th November 2014.

Berikut ialah Jadual Format Pendigitalan Bahan Audio Visual yang dilaksanakan:-

Table of Digitisation Format of Audio Visual Materials implemented:

MEDIA (carrier) VIDEO	FORMAT PEMELIHARAAN Preservation Format	FORMAT AKSES Access Format (Low Res)	FORMAT AKSES Access Format (Hi Res)
VHS	.mpeg2 (50 Mbps)	.mpeg4	.mpeg2
Mini DV	.mpeg2 (50 Mbps)	.mpeg4	.mpeg2
DVD (SD)	.mpeg2 (50 Mbps)	.mpeg4	.mpeg2
VCD	.mpeg2 (50 Mbps)	.mpeg4	.mpeg2
Open Reel	.wav (48 khz,24 bit)	.mp3	.wav
Kaset	.wav (48 khz,24 bit)	.mp3	.wav
CD	.wav (44.1khz,16 bit)	.mp3	.wav

Berikut Jadual Pendigitalan dan Pendeskripsian Bahan Audio Visual bagi tahun 2014:-

Table of Digitisation and Description of Audio Visual Materials for 2014:

KATEGORI BAHAN AV Category of AV Material	FAIL File	TAJUK Title	JAM Hours
Audio	150	38	200 HRS
Video	96	37	

Seksyen ini juga telah melaksanakan Projek Pembangunan Video Kreatif Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) di bawah Projek *MyCreative Content* (MyCC) yang juga dibawah Pelan Hala Tuju Program Transformasi Ekonomi (ETP). Projek ini bermula pada 10 Jun 2014 hingga 9 Disember 2014 yang telah dilaksanakan oleh pelbagai syarikat kontraktor. Objektif projek ini adalah untuk menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) melalui penjualan bahan arkib di pasaran tempatan dan antarabangsa. Selaras dengan itu, Seksyen ini telah mengambil pendekatan untuk menghasilkan video-video kreatif berkaitan dengan Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) dalam bentuk interaktif supaya ianya dapat diakses dan dijual secara dalam talian melalui platform-platform yang telah disediakan oleh Arkib Negara Malaysia. Video-video Kreatif ini dihasilkan mengikut jenis video iaitu Animasi 2D, *Doodle*, *Picture Documentary* dan Video Kreatif. Sebanyak 140 tajuk video dihasilkan dalam dwi bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Video kreatif berdurasi 3 minit setiap satu ini mempunyai pelbagai tajuk dari pelbagai era bermula dari Era Zaman Kesultanan Melayu Melaka, Pentadbiran British, Pendudukan Jepun, Pentadbiran Tentera British (*British Military Army*), Persekutuan Tanah Melayu, Zaman Darurat, Penubuhan Malaysia, Rancangan Malaya dan Rancangan Malaysia. Tajuk- tajuk video pula menjurus kepada peristiwa sejarah, tokoh-tokoh penting, rancangan pembangunan dan bangunan bersejarah di setiap era.

This Section has also implemented the Creative Video Development Project on Today in History (HIDS) of MyCreative Content (MyCC) Project which came under the Economic Transformation Programme (ETP) roadmap. The project was started on June 10th, 2014 until December 9th, 2014 and was performed by various companies. The objective of this project was to generate Gross National Income (PNK) through the sale of archival materials in local and international markets. Accordingly, this Section has taken an approach by producing creative videos related to Today in History (HIDS) in interactive form so these can be accessed and sold via online using platforms provided at the National Archives Malaysia. These creative videos were produced according to their types such as 2D Animation, Doodle, Picture Documentary and Creative Video. A total of 140 video titles were produced in bilingual namely Malay language and English. These Creative Videos with duration of 3 minutes each were of various titles from several era beginning with Malacca Malay Sultanate Era, British Administration, Japanese Occupation, British Military Army Administration, Federation of Malaya, The Emergency, Formation of Malaysia, Malaya Plans and Malaysia Plans. The video titles were geared towards Historical Events, Prominent Statesmen, Development Plans and Historical Buildings of each era.



Bahagian Pengembangan
Advocacy Division

BAHAGIAN PENGEMBANGAN ADVOCACY DIVISION

PROFIL

Bahagian Pengembangan merupakan salah satu tunggak utama Arkib Negara Malaysia. Bahagian ini mendokong visi Arkib Negara Malaysia iaitu "Menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara Yang Unggul". Fungsi utama bahagian ini adalah untuk memastikan penyimpanan dan pemeliharaan bahan arkib yang sistematik dan dilaksanakan mengikut standard Arkib Antarabangsa, menyediakan kemudahan penyelidikan yang terbaik kepada penyelidik, menggalakkan penggunaan bahan arkib dalam kalangan masyarakat, memastikan capaian dan akses kepada bahan arkib berjalan lancar dan terurus, bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan maklumat daripada sumber primer melalui aktiviti pameran dan program arkib pendidikan serta meningkatkan jumlah pelawat ke Arkib Negara melalui program dan aktiviti yang terancang. Terdapat empat seksyen yang menjadi penggerak fungsi Bahagian Pengembangan iaitu Seksyen Perkhidmatan Repositori, Seksyen Rujukan dan Akses, Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan serta Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi.

Seksyen Perkhidmatan Repositori bertanggungjawab untuk memastikan arkib awam yang dipindahkan ke repositori Arkib Negara Malaysia dipelihara dan disimpan dengan sempurna serta terjamin keselamatannya. Seksyen ini juga bertanggungjawab memastikan semua bahan disimpan secara sistematik serta mudah dikesan apabila diperlukan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan. Kesemua koleksi bahan arkib yang bernilai sejarah dan kebangsaan yang dipindahkan ke Arkib Negara, dipelihara dan disimpan mengikut standard Arkib Antarabangsa. Koleksi bahan Arkib yang mengandungi pelbagai jenis bahan seperti fail, terbitan, rekod kartografi, bahan audio visual, mikrofilem, arkib persendirian dan sebagainya ini dipelihara dan disimpan mengikut jenis dan bentuknya di repositori Arkib Negara. Repositori arkib dilengkapi peralatan bersesuaian seperti rak statik dan rak bergerak serta kabinet besi untuk menempatkan bahan Arkib berdasarkan jenis, bentuk dan komposisi fizikal bahan. Kotak dan sampul serta pembungkus plastik yang menepati standard juga digunakan untuk memelihara dan melindungi bahan daripada sebarang kerosakan.

Sebagai penyimpan khazanah warisan negara, Seksyen Perkhidmatan Repositori sentiasa memastikan semua repositori arkib yang berada di bawah kawalannya selamat daripada sebarang ancaman yang boleh merosakkan bahan-bahan arkib dengan mengawal suhu dan kelembapan mengikut jenis bahan serta menjalankan kerja pewasapan bagi menghapus serangga perosak. Repositori simpanan arkib juga dikawal dari segi keselamatan dengan memasang

PROFILE

The Advocacy Division is one of the main pillars at the National Archives of Malaysia. This Division upholds the vision of the National Archives of Malaysia which is "Becoming the Nation's Premier Archives and Research Centre". The main functions of this Division are ensuring a systematic storage and preservation of archival materials and implementing them according to International Archives standards, to provide excellent research facilities to researchers, to promote the use of archival materials in the community, ensuring connectivity and access to archival materials are running smoothly and well managed, be responsible for raising public awareness on the significance of information from primary sources through exhibition activities and educational archival programmes as well as increasing the number of visitors to the National Archives by way of planned activities and programmes. There are four Sections which are the prime movers to the functions of Advocacy Division namely Repository Services Section, Reference and Access Section, Exhibition and Archives Education Section as well as the Public Relations and Promotion Section.

The Repository Services Section is responsible in ensuring the public archival materials transferred to the repository at the National Archives of Malaysia are well preserved and properly stored as well as secured. This Section is also responsible in ensuring that all materials are systemically stored and easy to track when required for reference and research. All collection of archival materials which have national and historical values that are transferred to the National Archives, are preserved and stored in accordance to International Archives standards. The collection of archival materials that contain various types of materials such as files, publications, cartography records, audiovisuaal materials, microfilms, private archives and others are preserved and stored according to their types and forms at the repository of the National Archives. The archives repository is fitted with appropriate equipment such as static and movable racks as well as steel cabinets for the storage of archival materials based on types, shapes and physical composition of the materials. Boxes and envelopes as well as plastic wrappers which conform to standards are also used to preserve and protect materials from possible damages.

As keeper of the nation's heritage, the Repository Services Section always ensure that all archival repositories under their control are safe from any threats that may damage the archival materials by controlling the temperature and humidity according to types of materials as well as performing fumigation work to destroy insect pests. The security aspects of archival storage repository are controlled through the installation of alarm systems, use of access cards and fire extinguishers. These areas must

sistem penggera, kad akses dan pemadam api. Tempat ini juga turut diisytiharkan sebagai kawasan larangan. Di samping itu, bagi memastikan kelangsungan hayat bahan arkib, seksyen ini juga bertanggungjawab memastikan bahan yang uzur dan rosak dibuat pemuliharaan.

Seksyen Rujukan dan Akses bertindak mengikut dasar dan peraturan yang telah ditetapkan dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada penyelidik, sesuai dengan misi utama Jabatan. Berfungsi sebagai 'cermin' kepada Jabatan, seksyen ini perlu memastikan mutu perkhidmatan diberikan secara optimum melalui kelancaran proses pendaftaran penyelidik, memberi khidmat nasihat kepada pengguna arkib, menguruskan permintaan bahan arkib dan menyediakan kemudahan penyalinan bahan-bahan arkib. Seksyen ini turut bertanggungjawab memastikan keselamatan bahan arkib yang sedang dirujuk oleh penyelidik terjamin.

Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan bertanggungjawab untuk memasyarakatkan arkib dan menyebarkan maklumat menerusi aktiviti pameran dan program-program arkib pendidikan. Pameran-pameran ini termasuk pameran sementara di dalam jabatan, pameran projek memorial dan pameran luar jabatan yang melibatkan kerjasama dengan jabatan dan agensi luar.

Disamping itu, seksyen ini juga menyediakan kemudahan pinjaman bahan-bahan pameran kepada jabatan dan agensi kerajaan. Selain itu, seksyen ini turut merancang, mengenalpasti dan melaksanakan program dan aktiviti bagi mendekatkan arkib kepada masyarakat dan pelajar-pelajar sekolah dalam usaha memupuk semangat cintakan warisan sejarah bangsa dan negara menerusi Program Arkib Pendidikan.

also be declared as protected area. In addition, to ensure the survival of archival materials, this section is also responsible for conservation work on frail and damaged materials.

The Reference and Access Section acts upon the established policies and regulations in their effort to provide excellent services to researchers, in accordance with the prime mission of the Department. Functioning as 'mirror' to the department, this section has to ensure that optimum quality of services are delivered through the smooth registration process for researchers, providing advisory services to archives users, manage requests for archival materials and provide copying facilities of archival materials. This section is also responsible for ensuring that the security of archival materials being referred by researchers are warranted.

The Exhibition and Educational Archives Section is responsible for communalising archives and disseminating information through the exhibition activities and educational archives programmes. The exhibitions included temporary displays in the department, memorial project exhibitions and exhibitions outside the department involving collaborations with external departments and agencies.

In addition, this section also provides loan services of exhibition materials to departments and government agencies. This section also plans, identify and implement programmes and activities in bringing archives to the community and school students in an effort to foster love for the national historical heritage and the country through these Educational Archives Programmes.



YBhg. En Azemi Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dan Tuan Haji Kamarudin Bin Mohamad Tahir, Ketua Unit Ko-Kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri Johor memerhati para pelajar sekolah SMK Bandar Putra, Kulaijaya melakukan aktiviti penjilidan oleh Seksyen Pemuliharaan dan Reprografi ketika Program Arkib Pendidikan Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Kulaijaya pada 6 Mei 2014.

YBhg. Mr. Azemi Abdul Aziz, Director General of the National Archives of Malaysia and Tuan Haji Kamarudin Bin Mohamad Tahir, head of Co-Curricular Unit, State Education Department Johor observes the students of SMK Bandar Putra, Kulai on their binding activity guided by the representative from Conservation and Reprography Section on the Archive Education Programme for Secondary-School In Kulaijaya District on 6th May 2014.

Dua unit utama diwujudkan bagi melancarkan tugas dan tanggung jawab seksyen ini. Unit Pameran Jabatan dan Pameran Bergerak bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan aktiviti pameran sama ada tetap, berkala, bergerak ataupun dalam talian (online) berdasarkan koleksi bahan-bahan arkib dan tema program. Manakala Unit Arkib Pendidikan pula bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program yang melibatkan sekolah dan institusi pendidikan di seluruh negara. Ini merupakan usaha berterusan untuk menggalakkan penggunaan bahan-bahan arkib dalam penyediaan kerja khusus sejarah dan kajian tempatan di peringkat pendidikan rendah dan menengah.

Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi bertanggungjawab mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan Arkib Negara Malaysia bagi meningkatkan kesedaran, kefahaman dan sokongan rakyat terhadap peranan dan tanggungjawab Arkib Negara Malaysia menguruskan rekod awam dan pemeliharaan bahan-bahan serta khazanah warisan sejarah negara. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab menguruskan perhubungan awam dengan media cetak dan elektronik, merancang strategi media, pengurusan dan pengendalian lawatan orang awam ke Arkib Negara Malaysia dan pengurusan pengendalian dan penyelesaian aduan awam/pertanyaan dan kehendak pelanggan. Di samping memberi perkhidmatan sokongan untuk memastikan kelancaran aktiviti-aktiviti rasmi Arkib Negara Malaysia/ Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, seksyen ini juga bertanggungjawab merancang serta melaksanakan pelan tindakan pengurusan acara berhubung publisiti, promosi dan kempen.

Two main units were created to streamline the task and responsibilities of this section. The Department Exhibition and Mobile Units are fully responsible to conduct exhibition activities whether fixed, periodic, mobile or online, based on the archival materials collections and the programme themes. Whilst the Educational Archives Unit is responsible for planning and implement programmes involving schools and educational institutions throughout the country. This is a continuous effort in encouraging the use of archival materials in the preparation of specific historical and local study assignments at the level of primary and secondary education.

The Public Relations and Promotions Section is responsible in promoting services and facilities at the National Archives of Malaysia to enhance awareness, understanding and support of the citizens on the roles and responsibilities of National Archives of Malaysia in managing public records and the preservation of materials as well as the nation's historical heritage. In addition, this section is also responsible in managing public relations for the print and electronic medias, planning media strategies, managing and operating public visits to the National Archives of Malaysia and managing the operations and resolving public complaints/inquiries and clients needs. Besides providing support services to ensure smoothness of official activities of the National Archives of Malaysia/Ministry of Tourism and Culture, this section is also responsible for planning and implementing events management action plans with regards to publicity, promotion and campaign.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS

Pengurusan Gedung Simpanan Arkib

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 125 meter panjang fail yang telah mencapai taraf arkib telah diterima dan sedia untuk dirujuk oleh penyelidik. Seksyen ini juga menerima 6,382 unit terbitan rasmi, 78 unit kartografi dan seni bina, 3,728 unit bahan Arkib Persendirian serta 1,892 naskhah surat khabar dan majalah untuk simpanan kekal di Arkib Negara Malaysia.

Pada tahun 2014 juga sebanyak 44,249 bahan telah dikeluarkan untuk rujukan penyelidik dan 140 buah fail telah di keluarkan untuk pinjaman jabatan. Manakala sejumlah 6,608 kotak bahan telah dikeluarkan untuk tujuan pendiskripsian. Seksyen ini turut menyediakan Senarai Kumpulan Arkib / Rekod yang telah mencapai taraf arkib iaitu berusia 25 tahun. Senarai ini mengandungi maklumat mengenai bahan yang baru dibuka untuk rujukan penyelidikan. Walau bagaimanapun rujukan kepada fail-fail ini masih tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi di mana fail-fail terperingkat yang belum diturun taraf tidak dibuka untuk rujukan penyelidik. Senarai Kumpulan Arkib/Rekod yang telah mencapai taraf arkib ini dikeluarkan mengikut suku tahun iaitu pada setiap awal bulan Januari, April, Julai dan Oktober.

Management of Archival Repository

Throughout 2014, a total of 125 meter lengths files which have attained archives status were received and ready for reference by researchers. This section also received 6,382 units of official publications, 78 units of cartography and architecture, 3,728 units Private Archives as well as 1,892 copies of newspaper and magazines for permanent storage at the National Archives of Malaysia.

Also in 2014 a total of 44,249 materials were released for reference by researchers and 140 files released for loan to departments. Additionally, a total of 6,608 boxes of materials were released for description work. This section also provided List of Archives Group/Records which has aged 25 years and attained archives status. This list contained information related to the newly opened materials for research reference. Nevertheless, references to these types of files are subjected to the Official Secrets Act where classified files which have not been downgraded are not accessible for reference by researchers. The List of Archives Group/Records which has attained archives status is issued quarterly i.e. beginning of the months of January, April, July and October.



YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menerima cenderahati penghargaan daripada YBhg. Encik Azemi Bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sambil disaksikan oleh YBhg. Datuk haji Abdul Ghaffar A. Tambi dan YBhg. Datuk Hajah Raya Erom di Majlis Pameran Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan pada 24 November 2014.

YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Minister of Tourism and Culture received a token of appreciation from the YBhg. Mr. Azemi Bin Abdul Aziz, Director General of the National Archives of Malaysia witnessed by YBhg. Datuk Haji Abdul Ghaffar A. Tambi and YBhg. Datuk Hajah Raya Erom in Letters of Proclamation of Independence Exhibition Ceremony on 24th November 2014.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 1,430 kumpulan Arkib/Rekod yang mengandungi 12,064 buah fail yang telah mencapai taraf arkib dan sedia untuk dirujuk dan sebanyak 286 keping gambar telah dimuat naik dalam ruangan Imbasan Silam portal Arkib Negara Malaysia bagi tujuan pendidikan dan promosi.

Throughout 2014, a total of 1,430 Archives Group/Records containing 12,064 files which have attained archives status and ready for reference and a total of 286 pieces of photographs were uploaded in the space titled "Images from the Past" in the National Archives of Malaysia portal for the purpose of education and promotion.

Kemudahan dan Perkhidmatan Penyelidikan

Tahun 2014 telah mencatatkan sejumlah 4,564 pendaftaran penyelidik baru di Ibu Pejabat, Arkib Negara Malaysia. Selain itu, sebanyak 9,269 kehadiran penyelidik di Dewan Penyelidikan telah direkodkan sepanjang tahun. Penggunaan bahan arkib dan perpustakaan bagi tujuan penyelidikan juga telah mencatatkan jumlah sebanyak 63,182 unit bahan.

Research Services and Facilities

The year 2014 has recorded a total of 4,564 registrations of new researchers at the Headquarters, National Archives of Malaysia. In addition, the Research Hall recorded a total of 9,269 attendances of researchers throughout the year. The usage of archival materials and library for research purposes recorded a total of 63,182 units of materials.

Seksyen Rujukan dan Akses juga telah melaksanakan Projek Pengkelasan Semula Rekod Terperingkat. Sebanyak 502 unit rekod dari kumpulan rekod Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah disemak dan dinilai untuk dikelaskan semula.

Reference and Access Section has also conducted Classified Records Reclassification Project. A total of 502 units of records from the State Secretary of Kelantan and the State Secretary of Perak records group were reviewed and evaluated for reclassification.

Seksyen ini juga telah melaksanakan program bersama penyelidik iaitu Klinik Kepenggunaan Arkib. Kumpulan sasar adalah pelajar sekolah menengah (Tingkatan Enam) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Mereka diberi penerangan mengenai peraturan, konsep dan kaedah penyelidikan di Dewan Penyelidikan, Arkib Negara Malaysia. Sebanyak enam sesi Klinik Kepenggunaan telah dianjurkan sepanjang tahun 2014. Antara institusi yang terlibat adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Alor Gajah; Melaka, UiTM Segamat; Johor, Politeknik Sultan Idris Shah; Selangor, UiTM Puncak Perdana, Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti, Pulau Pinang dan Sekolah Dato' Abdul Razak; Negeri Sembilan.

This section has also conducted a programme with researchers i.e. the Archives Consumers Clinic. The target group was students of Secondary Schools (Sixth Formers) and Higher Education Institutions (IPT). They were given explanation with regards to regulations, concept and research methods at the Research Hall, National Archives of Malaysia. A total of six Consumers Clinic were organized throughout 2014. Among the institutions were Mara University of Technology (UiTM) Alor Gajah Campus; Malacca, UiTM Segamat, Johor; Sultan Idris Shah Polytechnic, Selangor; UiTM Puncak Perdana, Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti, Penang and Sekolah Dato' Abdul Razak; Negeri Sembilan.

Selain daripada program Klinik Kepenggunaan Arkib, sekseyen ini turut melaksanakan Program Lestari Ilmu Arkib

Apart from the Archives Consumers Clinic programme, this section has also conducted a programme on Sustaining Archives



Program Lestari Ilmu Arkib Negara Malaysia Bersama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) & Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Knowledge Enhance Programme on National Archives of Malaysia with Public Higher Learning Institute (IPTA) and Malaysian Teacher Education Institute (IPGM).

Bersama IPTA/IPGM. Pada tahun 2014, program Lestari Ilmu Arkib Bersama IPTA/IPGM telah diadakan di Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia pada 17 April 2014. Seramai 171 peserta dari Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Bahasa Melayu, IPG Ilmu Khas, IPG Tengku Ampuan Afzan, IPG Kampus Ipoh, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah menyertai program ini.

Program Lestari Ilmu ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan Arkib Negara Malaysia kepada pelajar IPTA/IPTS dan IPGM di Malaysia serta memberi kefahaman tentang perkhidmatan dan koleksi bahan yang disediakan di Arkib Negara Malaysia. Pengisian bagi sesi dialog itu membincangkan mengenai keperluan-keperluan IPTA/IPTS dan IPGM serta menggalakkan para pelajar untuk memberikan pandangan mengenai penambahbaikan perkhidmatan dan kepenggunaan bahan arkib. Selain itu, turut juga diadakan bengkel penyelidikan bahan arkib, pameran, demonstrasi pembaikan bahan arkib dan jualan terbitan Jabatan.

Knowledge Together with IPTA/IPGM. In 2014, the programme on Sustaining Archives Knowledge Together with IPTA/IPGM was held at the Headquarters of the National Archives of Malaysia on April 17th, 2014. A total of 171 participants from Teachers Education Institute (IPG) Bahasa Melayu Campus, IPG Ilmu Khas, IPG Tengku Ampuan Afzan, IPG Ipoh Campus, University Putra Malaysia, University of Malaya and National University of Malaysia participated in this programme.

The Sustaining Archives Knowledge Programme was aimed at introducing the National Archives of Malaysia to students of IPTA/IPTS and IPGM in Malaysia as well as provides an understanding with regards to the services and the collections of materials that are available at the National Archives of Malaysia. The dialogue session content discussed on the IPTA/IPTS and IPGM requirements as well as encouraging students to express their views on service improvements and archival materials consumerism. In addition, there was also a workshop on archival materials research, exhibitions, demonstration on restoration of archival materials and sale of Departmental publications.

Program Memasyarakatkan Bahan Arkib

Sepanjang 2014 sebanyak 56 pameran telah dilaksanakan yang meliputi 8 pameran yang menggunakan bahan baharu dan 19 pameran yang menggunakan poster sedia ada. Seksyen ini juga terlibat dengan urusan peminjaman poster pameran kepada 12 agensi luar yang berminat. Jumlah kehadiran pelawat ke pameran yang diadakan sepanjang tahun 2014 ialah 175,782 orang. Bagi Program Arkib Pendidikan pula 11 program telah diadakan yang melibatkan sebanyak 6 buah sekolah dan 5 buah universiti di seluruh Negara.

Perhubungan Awam dan Promosi

Sepanjang tahun 2014, Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi telah menguruskan sebanyak 3 aduan awam dan 95 pertanyaan/maklumbalas yang diterima. Seksyen ini juga telah menerima dan menguruskan sebanyak 101 lawatan yang melibatkan seramai 3,915 orang pelawat. Sebanyak 42 lawatan adalah daripada agensi kerajaan dan swasta, 41 lawatan daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) dan 12 lawatan daripada sekolah menengah dan rendah.

Programme On Communalising the Archival Materials

Throughout 2014, a total of 56 exhibitions were carried out which encompass eight (8) exhibitions utilising new materials and 19 exhibitions utilising existing posters. This section also provides lending services of exhibition posters to 12 external agencies. The number of visitors to the exhibitions held during the year 2014 was 175,782. As for the Education Archives programme, a total of 11 programmes were conducted involving 7 schools and 5 universities throughout the country.

Public Relations and Promotion

Throughout 2014, the Public Relations and Promotions Section has resolved 3 public complaints and 95 inquiries/feedbacks that were received. This section has also welcomed and managed 101 visits involving 3,915 visitors. A total of 42 visits were from government and private agencies, 41 visits from Public Institutions of Higher Education (IPTA) and Private (IPTS) and 12 visits from primary and secondary schools.



YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak melihat pameran MY Story: Transforming The Nation disaksikan oleh para tetamu VVIP yang lain.

Prime Minister, YAB Dato' Seri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak on the exhibition MY Story: Transforming The Nation witnessed by the other VVIP guests.



Bahagian Pengurusan Penyelidikan
dan Dokumentasi
*Research and Documentation
Management Division*

BAHAGIAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN DOKUMENTASI *RESEARCH AND DOCUMENTATION MANAGEMENT DIVISION*

PROFIL

Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi (BPPD) memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi Arkib Negara Malaysia (ANM) untuk menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul dengan memastikan rekod dan maklumat berkaitan persempadanan hak kedaulatan, isu semasa dan pengesahan fakta sejarah negara tersedia untuk dimaju dan dirujuk oleh pihak berkaitan. Di samping itu, BPPD bertanggungjawab dalam merancang dan menguruskan program penerbitan dan percetakan jabatan, mengendalikan edaran dan jualan terbitan serta menjalankan penyelidikan mengenai peristiwa-peristiwa bersejarah, tempat-tempat bersejarah dan tokoh-tokoh sejarah disamping mengumpulkan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan mengenainya untuk disebarkan kepada orang ramai. Fungsi dan aktiviti tersebut dilaksanakan melalui tiga seksyen iaitu Seksyen Penyelidikan Khas Negara, Seksyen Dokumentasi dan Seksyen Penerbitan dan Percetakan.

Seksyen Penyelidikan Khas Negara bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyelidikan khas dan pengesahan fakta yang membabitkan hal-hal persempadanan, hak dan kedaulatan serta isu-isu semasa negara. Terdapat beberapa isu persempadanan yang memerlukan perhatian dan

PROFILE

The Research and Documentation Division (BPPD) plays an important role in realising the visions of the National Archives of Malaysia (ANM) to be the premier National Archives and Research Centre by ensuring that records and information pertaining to boundaries sovereignty rights, current issues and verification of national historical facts are available for reference by relevant parties. In addition, BPPD is responsible in planning and managing publication and printing programmes for the Department, handles circulations and sales of publications as well as conducting research on historical events, historical places and prominent historians and gathering information and materials related to them to be disseminated to the public. The functions and activities were implemented through three sections namely the National Specific Research Section, Documentation Section and Publication and Printing Section.

The National Specific Research Section is responsible for carrying out specific research work and verification of facts involving matters related to boundaries, rights and sovereignty as well as current issues of the nation. There are several boundary issues that require advance attention and efforts to obtain material



Para pembentang pada Majlis Polemik Sejarah Malaysia sesi ke-32 di Kelantan pada 24 Jun 2014. Dari kiri, Dr. Arba'iyah Bt Mohd Noor, Prof. Dr. Haron Bin Daud dan Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Suhaimi Bin Nik Abdul Rahman.

Presenter for the 32nd Session of Malaysian History Polemics Ceremony in Kelantan on 24th June 2014. From left, Dr. Arba'iyah Binti Mohd Noor, Prof. Dr. Haron Bin Daud and Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Suhaimi Bin Nik Abdul Rahman



YBhg. En Azemi Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sedang menyampaikan ucapan perasmian bagi Majlis Polemik Sejarah Malaysia sesi ke-34 di Perak pada 11 November 2014.

YBhg. Mr. Azemi Abdul Aziz, Director General of the National Archives of Malaysia is delivering his speech for the 34th Session of Malaysian History Polemics Ceremony in Perak on 11th November 2014.

usaha yang lebih awal untuk mendapatkan bahan-bahan bukti selain penyelidikan dan kajian yang lebih mendalam. Usaha-usaha pengesanan ini dilakukan di dalam dan di luar negara di samping menghadiri bengkel yang berkaitan bagi melengkap dan memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai dalam menjalankan kajian dan penyelidikan.

Seksyen Dokumentasi bertanggungjawab dalam melaksanakan program dan aktiviti pendokumentasian dan penyebaran maklumat sejarah negara kepada umum. Program dan aktiviti pendokumentasian yang dijalankan oleh seksyen ini bertujuan untuk menambah sumber rujukan serta mengisi jurang maklumat dalam rentetan sejarah tanah air yang tidak terdapat di dalam sumber-sumber rasmi atau sumber sedia ada dalam simpanan Arkib Negara. Selain itu, melalui aktiviti dan program, seksyen ini juga dapat mempelbagaikan lagi sumber rujukan fakta sejarah negara. Pendokumentasian maklumat yang dijalankan oleh seksyen ini dilaksanakan menerusi sesi Pengkisahan Sejarah/Bicara Sejarah dan Sejarah Lisan iaitu aktiviti asas kepada Seksyen Dokumentasi. Sementara itu, penyebaran maklumat mengenai bahan arkib dan sejarah negara pula disebarkan kepada umum melalui aktiviti Wacana Warisan, penulisan mengenai bahan arkib di akhbar, majalah, TV, radio dan melalui portal Arkib Negara. Seksyen Dokumentasi

evidences apart from more in-depth research and studies. These tracking efforts were done at home and abroad besides participating in relevant workshops in the effort to complement and further enhance the knowledge and skills of officers in conducting studies and research.

The Documentation Section is responsible for implementing programmes and documentation activities as well as dissemination of the nation's historical information to the public. The programmes and documentation activities undertaken by this section are intended to supplement reference sources and to fill the information gaps in the sequence of history of the nation unavailable in any other official sources or existing resources at the National Archives. In addition, through the activities and programmes, this section is also able to diversify the reference sources of historical facts of the country. Documentation of information performed by this section was implemented through the Oral History/Historical Discourse and the Oral History which are the fundamental activities of the Documentation Section. Whilst the dissemination of information about archival materials and history of the country are disseminated to the public through the activities of Heritage Discourse, writings about archival materials in newspapers, magazines, televisions, radios and through the official portal of the National Archives.

juga bertanggungjawab dalam menghasilkan dan menguruskan program Hari Ini Dalam Sejarah untuk siaran di stesen TV dan Radio RTM dan secara dalam talian di portal Arkib Negara Malaysia.

Seksyen Penerbitan dan Percetakan bertanggungjawab merancang dan menguruskan program penerbitan dan percetakan Jabatan serta mengendalikan edaran dan jualan terbitan. Seksyen Penerbitan dan Percetakan terdiri daripada Unit Penerbitan dan Percetakan serta Unit Edaran dan Jualan dan Unit Khidmat Sokongan.

The Documentation Section is also responsible for producing and managing Today in History Programme for broadcast on TV and Radio stations of RTM and on-line via portal of National Archives of Malaysia.

The Publication and Printing Section is responsible for planning and managing departmental publications and printing programmes as well as handling the circulations and sales of the publications. The Publications and Printing Section comprises of Publication and Printing, Circulation and Sales and Support Services Unit.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS

Penyelidikan Khas

Bagi tahun 2014, Seksyen ini telah membuat kajian dan penyelidikan berkaitan isu-isu persempadanan, hak dan kedaulatan di tiga buah negara luar iaitu di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Netherland. Manakala satu lagi penyelidikan dijalankan di negeri Sabah.

Kajian juga dibuat bagi penyelidikan dan pengesahan fakta mengenai sejarah negara. Hasil kajian ini diketengahkan dan dikongsi bagi memperkenalkan bahan-bahan arkib yang berkaitan. Ini sekaligus membuka dan menarik minat para penyelidik untuk berkunjung ke Arkib Negara dan menggunakan sumber bahan primer ini dalam kajian mereka.

Pada tahun ini juga, Seksyen ini telah mengadakan tiga (3) sesi Majlis Polemik Sejarah Malaysia yang mendapat sambutan dan galakan baik dari ahli akademik, ahli persatuan sejarah, pegawai dan kakitangan kerajaan, serta pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah menengah. Pada tahun ini tema "Petempatan dan Kerajaan Awal Malaysia Sebelum 1400M" diteruskan ke tiga (3) buah negeri iaitu Kelantan, Pahang dan Perak.

Sesi yang pertama diadakan pada 24 Jun 2014 dengan tema "Sejarah Awal Kelantan" memfokuskan kepada petempatan dan kerajaan awal yang wujud di Negeri Kelantan dengan dua (2) kertas kerja dibentangkan oleh dua pakar sejarah dan ahli akademik iaitu YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman (ATMA) dan YBrs. Dr. Arba'iyah bt. Mohd Noor (UM).

Manakala sesi yang seterusnya diadakan pada 30 September 2014 dengan tema "Sejarah Awal Pahang" dengan dua (2) kertas kerja dibentangkan oleh YBrs. Dr. Mohd Supian bin Sabtu (UM) dan YBrs. Encik Mohd Kasturi bin Abd. Aziz (UniMAP).

Sesi yang ketiga dan terakhir bagi tahun 2014 telah diadakan pada 11 November 2014 dengan tema "Sejarah Awal Perak". Pembentang yang terlibat adalah seramai dua (2) orang iaitu YBrs. Prof. Dato' Dr. Mohd Mokhtar bin Saidin (USM) dan YBrs. Dr. Mardiana bt. Nordin (UM).

Specific Research

In 2014, this Section has conducted study and research relating to issues of boundaries, rights and sovereignty in three foreign countries namely the United States of America, the United Kingdom and the Netherlands. One research was carried out in Sabah.

Studies were also conducted in research and verifications of national historical facts. The outcome of these studies were highlighted and collectively shared to introduce the related archival materials. These have open up and attract the interest of researchers to visit National Archives and utilising these primary materials resources in their research.

Within the year too, this Section has organized three (3) Malaysian History Polemics Programme which have received accolades and encouragement from academicians, historical society members, government officers, as well as students of institutions of higher education and secondary schools. This year the theme "Settlement and Early Government of Malaysia Prior to 1400AD" was continued in three (3) states namely Kelantan, Pahang and Perak.

The inaugural session was held on June 24th, 2014 with the theme "Early History of Kelantan" which focussed on the settlement and early kingdom established in Kelantan involving presentations of two (2) working papers presented by two prominent historians and academicians namely YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman (ATMA) and YBrs. Dr. Arba'iyah bt. Mohd Noor (UM).

Whilst the subsequent session was held on September 30th, 2014 with the theme "Early History of Pahang" involving two (2) working papers presented by YBrs. Dr. Mohd Supian bin Sabtu (UM) and YBrs. Encik Mohd Kasturi bin Abd. Aziz (UniMAP).

The third and final session for 2014 was held on November 11th, 2014 with the theme "Early History of Perak". The two (2) presenters were YBrs. Prof. Dato' Dr. Mohd Mokhtar bin Saidin (USM) and YBrs. Dr. Mardiana bt. Nordin (UM).

Majlis Pengkisahan Sejarah

Sepanjang tahun 2014, Seksyen Dokumentasi telah menganjurkan satu Majlis Pengkisahan Sejarah yang bertajuk “Kemerdekaan dan Peranan Raja-raja” pada 16 Disember 2014. Selain itu, seramai 3 orang tokoh telah ditemubual bagi program rakaman wawancara Sejarah Lisan sepanjang tahun 2014. Sebanyak 18 artikel telah ditulis dan dimuatkan dalam majalah Dewan Pelajar, Dewan Siswa, dan Majalah Celik. Seksyen ini juga telah menghasilkan sebanyak 730 skrip Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) untuk siaran TV dan Radio RTM selain dimuatkan ke portal rasmi Arkib Negara Malaysia.

Terbitan Jabatan

Sepanjang tahun 2014, Arkib Negara Malaysia telah berjaya menerbitkan 5 dan mencetak semula 1 buah buku dan bulletin yang bertajuk:

- Puspawansa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 4/2013
- Puspawansa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 1/2014
- Puspawansa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 2/2014
- Puspawansa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 3/2014
- Laporan Tahunan 2013
- Arkib Warisan Eksklusif (cetakan semula)

Penjualan dan Pengedaran Terbitan

Seksyen Penerbitan dan Percetakan telah mengedarkan sejumlah 22, 924 naskhah/unit bahan terbitan Jabatan ke sekolah-sekolah, pusat pengajian tinggi, agensi kerajaan, perpustakaan negeri, individu dan sebagainya. Pengedaran terbitan ini sebagai tanggungjawab sosial Arkib Negara dalam menyebarkan maklumat khususnya berkaitan sejarah dan khazanah warisan negara. Dari segi penjualan, sebanyak 590 buah buku telah dijual dengan kutipan sebanyak RM 24,149.60 melalui jualan yang diadakan secara langsung di pejabat, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, jualan pesanan melalui promosi bersurat ke badan-badan kerajaan dan swasta dan di program-program anjuran Arkib Negara dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Oral History Ceremony

Throughout 2014, the Documentation Section has organised one Oral History Ceremony with the title “Independence and the Roles of Royals” held on December 16th, 2014. In addition, a total of three prominent personages were interviewed for the Oral History recording programme 2014. A total of 18 articles were written and published in Dewan Pelajar, Dewan Siswa, and Celik Magazine. This Section has also produced 730 scripts for Today in History (HIDS) for RTM's TV and Radio broadcasting as well as uploaded in the official portal of the National Archives of Malaysia.

Departmental Publication

Throughout 2014, the National Archives of Malaysia has successfully published 5 and reprinted 1 book and bulletin with the following titles:

- *Puspawansa, National Archives of Malaysia News No. 4/2013*
- *Puspawansa, National Archives of Malaysia News No. 1/2014*
- *Puspawansa, National Archives of Malaysia News No. 2/2014*
- *Puspawansa, National Archives of Malaysia News No. 3/2014*
- *Annual Report 2013*
- *Archives Exclusive Heritage (reprint)*

Sales and Circulations of Publications

The Publication and Printing Section has circulated 22,924 copies/units Departmental publications to schools, higher education centres, government agencies, state libraries, individuals and others. Circulations of these publications were the social responsibilities of the National Archives in disseminating information specifically those pertaining to history and heritage of this country. A total of 590 books were sold with a collection of RM24,149.60 through direct sales at offices, the Kuala Lumpur International Books Festival, custom orders through promotional pamphlets to government and private establishments and at various programmes organised by National Archives and agencies of the Ministry of Tourism and Culture.



Panel-panel yang membuat pembentangan ketika Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke 33 di Pahang pada 30 September 2014.

Panels that made presentations during the 33rd Malaysian History Polemics Ceremony Session in Pahang on 30th September 2014.



Bahagian Arkib Negarawan
Statesmen Archives Division

BAHAGIAN ARKIB NEGARAWAN STATESMEN ARCHIVES DIVISION



Program Kembara Memorial 1Malaysia Bersama Pelajar Kolej PTPL Sentral Kuala Lumpur pada 27 Mac 2014.
1Malaysia Memorial Expedition Programme with PTPL Central Kuala Lumpur College Students on 27th March 2014.

PROFIL

Bahagian Arkib Negarawan memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan peranan dan sumbangan tokoh negarawan dihargai dan dihayati. Terdapat dua Seksyen di bawah Bahagian Arkib Negarawan iaitu Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan serta Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan. Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan dipertanggungjawabkan untuk memperoleh, menyimpan, memelihara dan memulihara koleksi bahan Arkib Negarawan selain menyediakan kemudahan rujukan serta penyelidikan yang cekap dan sistematik. Seksyen ini juga bertanggungjawab mendokumentasikan dan menyebarkan bahan arkib negarawan dalam bentuk penulisan dan penerbitan.

PROFILE

The Statesmen Archives Division plays a very important role in ensuring the roles and contributions of statesmen were valued and appreciated. There are two Sections under the Statesmen Archives Division namely the Planning and Conservation Section and the Statesmen Archives Management Section. The Planning and Conservation Section is responsible for acquiring, storing, preserving and conserving the collection of materials of the Statesmen Archives apart from providing efficient and systematic reference and research facilities. This section is also responsible for the documentation and dissemination of the statesmen archival materials in the form of writings and publications.

Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan pula memainkan peranan untuk merancang, mengurus, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti pengembangan dan promosi bagi memasyarakatkan institusi memorial, galeria dan pustaka yang ditempatkan di seluruh negara. Objektif seksyen ini ialah memperkemas dan memperagakan maklumat-maklumat mengenai sejarah ketokohan negarawan dan menjadikan institusi memorial, galeria dan pustaka sebagai pusat sumber dan pembelajaran yang berdaya saing serta sebagai tempat kunjungan oleh pelawat dari dalam dan luar negara. Terdapat lapan buah institusi memorial, galeria dan pustaka di bawah tanggungjawab seksyen ini iaitu Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Abdul Razak, Memorial Tun Hussein Onn, Galeria Sri Perdana, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Memorial Tun Ghaffar Baba, Pustaka Peringatan P. Ramlee dan Pustaka Peringatan Awam.

The Statesmen Archives Management Section plays a role in planning, managing, implementing and monitoring expansion and promotional activities to communalise the memorial institutions, galleries and libraries located throughout the country. The objective of this section is to streamline and showcase information related to the statesmenships history of eminent personages and making the memorial institutions, galleries and libraries as resource and learning centres which are competitive as well as the destination for visitors from home and abroad. There are eight memorial institutions, galleries and libraries under the responsibility of this section namely the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial, Tun Abdul Razak Memorial, Tun Hussein Onn Memorial, Sri Perdana Galleria, Declaration of Independence Memorial, Tun Ghaffar Baba Memorial, P. Ramlee Memorial Library and Civil Service Library.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN *ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS*

Arkib Negarawan sebagai Tempat Lawatan dan Penyelidikan

Sepanjang tahun 2014, seramai 904,525 orang pelawat terdiri daripada pelawat dalam dan luar negara telah mengunjungi memorial, galeria dan pustaka. Selain daripada itu, seramai 455 orang penyelidik telah melakukan penyelidikan di Bahagian Arkib Negarawan. Bahagian ini menyimpan pelbagai jenis bahan untuk dirujuk seperti teks ucapan, keratan akhbar dan gambar berkaitan tokoh serta peristiwa yang berkaitan dengan seseorang tokoh negarawan. Sebanyak 1,771 bahan telah dirujuk sepanjang tahun tersebut. Objektif bahagian ini untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan sejarah yang terunggul dapat dicapai dengan jayanya memandangkan institusi memorial, galeria dan pustaka ini bukan sahaja menjadi kunjungan orang ramai tetapi juga menjadi tempat untuk membuat rujukan dan penyelidikan.

Statesmen Archives as Destination for Visitors and Research

Throughout 2014, a total of 904,525 visitors comprising of visitors from home and abroad have visited the memorials, galleries and libraries. Additionally, 455 researchers conducted research at the Statesmen Archives Division. This Division conserved various types of materials for referencing such as texts of speeches, newspaper clippings and photographs pertaining to the statesmen and their related events. Throughout the year, a total of 1,771 materials were referred. The objective of this division to become the premier learning and research centre can be achieved in view of the success of the memorial, gallery and library institutions which are not only visited by the public but also as venue for reference and research.

Dari kiri, Puan Siti Raihani Mohd Saaid, Seniwati Mariani dan Encik Fathil Hidayat Ghazali semasa Forum 'Kekuatan Wanita Dalam Filem-Filem Komedi P. Ramlee' sempena Program Memperingati Kelahiran P. Ramlee pada 29 Mac 2014.

From left, Mrs. Siti Raihani Mohd Saaid, Seniwati Mariani and Mr. Fathil Hidayat Ghazali during Forum 'The Power of Women in P. Ramlee Comedy Films' in conjunction with the P. Ramlee Birth Commemorate Programme on 29th March 2014.



Perolehan Bahan Arkib Negarawan

Pada tahun 2014, sebanyak 1,654 bahan berkaitan tokoh negarawan telah berjaya diperolehi yang terdiri daripada 158 bahan berbentuk artifak dan 1,496 bahan bukan artifak. Bahan berbentuk artifak dan bukan artifak yang diperolehi merupakan milik YTM Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, Tun Musa Hitam, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan beberapa tokoh negarawan yang lain. Perolehan bahan sangat penting kerana koleksi artifak tokoh-tokoh negarawan mempunyai nilai warisan kebudayaan dan sejarah yang sangat tinggi. Kerja-kerja perolehan bahan dipergiatkan lagi ekoran daripada penubuhan Memorial Negarawan yang dijangka siap pada Julai 2015 dan bakal memuatkan galeri tujuh orang tokoh negarawan iaitu Tun Dr. Ismail, Tun V.T. Sambanthan, Tun Tan Cheng Lock, Tun Fuad Stephens, Tun Datu Mustapha Datu Harun, Tun Temenggong Jugah dan Tun Dr. Lim Chong Eu.

Pemuliharaan Bahan Arkib Negarawan

Untuk memastikan artifak dan koleksi bahan tokoh negarawan sentiasa dalam keadaan yang baik dan boleh dilihat oleh generasi-generasi yang akan datang, kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun 2014, bahagian Arkib Negarawan melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan sebanyak 211 bahan artifak. Manakala kerja-kerja pemeliharaan sebanyak 1,212 bahan artifak. Koleksi artifak yang dipelihara dan dipulihara pada tahun 2014 adalah artifak di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Abdul Razak, Memorial Tun Hussein Onn, Galeria Sri

Acquisition of Statesmen Archives Materials

In 2014, a total of 1,654 materials related to statesmen personages were successfully acquired comprising of 158 materials in artifact form and 1,496 non artifact materials. The materials in artifact form and non artifacts were owned by YTM Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, Tun Musa Hitam, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin and several other statesmen. Material acquisitions are of great significance as the collections of these statesmen possess immense heritage, culture and historical values. Acquisition of the materials was further accelerated due to the establishment of the Statesmen Memorial due for completion in July 2015 and will house seven galleries of statesmen personages namely Tun Dr. Ismail, Tun V.T. Sambanthan, Tun Tan Cheng Lock, Tun Fuad Stephens, Tun Datu Mustapha Datu Harun, Tun Temenggong Jugah and Tun Dr. Lim Chong Eu.

Conservation of Statesmen Archives Materials

In ensuring that artifacts and collections of the prominent statesmen are always in excellent condition and can be viewed by future generations, preservation and conservation works are performed periodically. Throughout 2014, the Statesmen Archives Division performed conservation works on 211 artifacts and preservation of 1,212 artifacts. The artifact collections which were preserved and conserved in 2014 were at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial, Tun Abdul Razak Memorial, Tun Hussein Onn Memorial, Sri Perdana Gallery and P.Ramlee Memorial Library. Inventory process was also performed on 6,335 artifacts that were displayed at the exhibition galleries



YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi bergambar bersama pewawancara dan para pegawai yang terlibat dalam sesi rakaman wawancara sejarah lisan.

Dari kiri: Encik Ihsan Hj. Hassan, Pengarah Bahagian Arkib Negarawan, Encik Azemi Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YABhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz, Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir dan Encik Shahidan Shafie.

YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi posing with the interviewer and the officers involved in the recording sessions of oral history interviews.

From left: Mr. Ihsan Hj. Hassan, Director of the Division Statesmen Archives, Mr. Azemi Abdul Aziz, Deputy Director General of the National Archives, YABhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, YBhg. Prof. Dato 'Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz, Director of the Institute of Tun Dr Mahathir and Mr. Shahidan Shafie.

Perdana dan Pustaka Peringatan P. Ramlee. Proses inventori pula telah dilakukan terhadap 6,335 artifak yang sedang diperagakan di galeri pameran dan juga koleksi artifak yang disimpan di gedung. Kerja-kerja inventori ini meliputi proses pendeskripsian bahan, pengukuran saiz bahan dan pendokumentasian gambar berwarna.

Pendokumentasian dan Sejarah Lisan

Kepentingan sejarah lisan memang tidak dapat dipertikaikan lagi. Sejarah lisan diperolehi daripada pertuturan atau perkhabaran seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Ia boleh dikategorikan sebagai salah satu sumber sejarah yang penting dalam pensejarahan. Sepanjang tahun 2014 sebanyak tiga sejarah lisan berkaitan Tokoh Negarawan telah berjaya dilaksanakan. Sesi sejarah lisan yang pertama telah dilakukan pada 11.2.2014 bersama YBhg. Jeneral Tan Sri Datuk Amar Mohd Ghazali Seth (B) di kediaman Tan Sri di Phileo Damansara. Sesi ini mendokumentasikan maklumat berkaitan Tun Dr. Ismail. Sesi sejarah lisan yang seterusnya dilaksanakan pada 20.2.2014, iaitu bersama YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar Suleiman bertempat di *International Medical University* iaitu di pejabat Tan Sri. Sesi ini juga mendokumentasikan maklumat mengenai Tun Dr. Ismail. Pada 10.3.2014 pula sesi wawancara sejarah lisan bersama YBhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi dilaksanakan di kediaman Tun.

Sementara itu, dua Majlis Pengkisahan Sejarah telah diadakan. Pada 24.4.2014, Majlis Pengkisahan Sejarah Tun Dr. V.T. Sambanthan telah diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak. Seterusnya pada 26.6.2014, Majlis Pengkisahan Sejarah Tun Tan Cheng Lock turut diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka.

Penulisan dan Penerbitan

